Jilid II
Bil. 9

Hari Selasa
24hb Jun, 1980

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 1173]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Ahli-ahli Parlimen (Saraan) [Ruangan 1219]
Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen [Ruangan 1246]
Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) [Ruangan 1265]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).

„ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).

„ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).

„ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S.O.K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).

„ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).

„ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

„ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).

„ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).

„ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).

„ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).

„ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).

„ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).

„ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).

„ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).

„ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).

„ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).

„ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).

„ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).

„ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).

„ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).

„ PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).

" DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).

" TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).

" DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).

" TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).

" TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

" TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).

" TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).

" TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).

" TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).

" TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).

" TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).

" TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).

" TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).

" TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).

" DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).

" TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu).

" TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).

" TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).

" TUAN HAJI MOHD. AZLAN BIN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).

" DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).

" TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).

" DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).

" DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).

" TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan)

" TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).

" DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).

" TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).

" DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).

" PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

" RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).

Yang Berhormat TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).

" PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).

" TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).

" TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).

" DATO SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).

" DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).

" TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).

" PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).

" DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., S.B., S.T.J. Datuk Kaya Pati (Dilantik).

" TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).

" TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).

" TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).

" PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.
Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap
Penolong Penyunting: P. B. Menon.
Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah
Suhor bin Husin.
Amran bin Ahmad
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Puan Ng Chong Kin.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Hari Selasa, 24hb Jun, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat)*

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

KRISIS AMERIKA SYARIKAT/IRAN—PENDIRIAN MALAYSIA

1. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Yang di-Pertua Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu telah meminta Malaysia untuk mencari jalan menyelesaikan krisis Iran-Amerika dan sama ada Kerajaan memang tidak bersedia turut campur dalam usaha damai antara kedua negara tersebut.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, semasa lawatannya ke Malaysia dalam bulan April tahun ini, Tuan Yang Terutama Tuan Salim Ahmed Salim, Presiden Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu ke 34, talah menekankan pandangan bahawa negara-negara yang mempunyai hubungan yang baik dengan Iran hendaklah cuba menolong menyelesaikan krisis Amerika Syarikat/Iran ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Presiden Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu tidak ada membuat permohonan yang khusus kepada Malaysia bagi menyelesaikan masalah tersebut.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pendirian Malaysia ke atas krisis tersebut adalah supaya masalah itu diselesaikan dengan secara damai dan kita akan terus menyokong mana-mana inisiatif atau usaha-usaha diplomatik lebih-lebih lagi bersama-sama dengan negara-negara Islam dan negara-negara berkecuali yang lain ke arah mencapai satu penyelesaian damai.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebagai jiran negara Islam dan negeri kita juga Islam, Islam adalah bersaudara, saya suka bertanya setakat ini apakah langkah-langkah Kerajaan kita bagi mengatasi apa yang berlaku di negeri Iran sekarang. Kalau ada, minta tolong beritahu.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, masalah yang sedang berlaku di antara Amerika Syarikat dengan Iran merupakan suatu masalah yang lebih kompleks daripada apa yang nyata dapat kita lihat. Oleh sebab itu, walaupun Malaysia mempunyai keinginan yang kuat untuk melihat selesainya masalah yang dihadapi di antara kedua-dua negara itu, kita mempunyai kemampuan yang terhad untuk berbuat sesuatu melainkan melalui kerjasama kita di dalam Persidangan Negara-negara Islam. Pendirian yang tegas dan pandangan yang khusus telahpun kita keluarkan dalam mana pada mesyuarat yang lalu iaitu mesyuarat Persidangan Negara-negara Islam di antara 17hb hingga 22hb Mei, 1980 Malaysia telah memberikan pandangan-pandangan kita dan meminta usaha-usaha selanjutnya dibuat oleh pihak Persidangan Negara-negara Islam itu.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa Tuan Yang Terutama Presiden Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu telah memberikan pandangan supaya dapat negara-negara yang ada perhubungan yang baik dengan negara Iran dan juga Amerika supaya dapat menyelesaikan masalah ini.

Saya hendak bertanya soalan tambahan. Bagaimanakah sikap Kerajaan Malaysia hubungan baik di antara Malaysia dengan Iran dan juga Malaysia dengan Amerika, manakah yang lebih utama.

Dato' Mokhtar bin Haji Hashim: Tuan Yang di-Pertua, buruk baiknya tidak dapat kita sukat sebagai suatu bandingan, terserahlah kepada apakah isu-isu tertentu yang sedang kita hadapi dalam hubungan Malaysia dengan mana-mana di antara dua yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator itu. Sebagai contoh, Malaysia tidak setuju dengan langkah penahanan orang-orang di Kedutaan Amerika Syarikat di Iran itu. Di samping itu, Malaysia juga tidak setuju malah mengecam tindakan yang telah dibuat oleh Kerajaan Amerika dalam usaha menyelamatkan orang-orang tahanan itu dengan menggunakan kekerasan ataupun kekuatan tenteranya. Jadi, soal yang mana lebih baik, terserahlah kepada keadaan-keadaan tertentu yang sedang kita hadapi pada masa-masa yang tertentu itu pula.

GURU BAHASA INGGERIS DARI ENGLAND—PENGAMBILAN

2. Tuan Ismail bin Sheik Ibrahim minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada dua ratus orang guru Bahasa Inggeris yang diambil dari England itu adalah mencukupi bagi mengatasi masalah pelajaran Bahasa Inggeris, dan jika tidak, apakah langkah lain yang boleh diambil untuk mengatasi masalah ini termasuk pengambilan semua guru Bahasa Inggeris yang berpengalaman dan telah bersara.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya minta maaf barangkali jawapan saya agak panjang sedikit. Tetapi saya berharaplah Ahli Yang Berhormat itu boleh bersabar.

Jika hendak dibandingkan pengambilan guru-guru Bahasa Inggeris dari Britain seramai 200 orang dengan bilangan Sekolah Menengah di negara itu memang tidak mencukupi. Sebaliknya pula jika perkhidmatan guru-guru ini dapat digunakan dengan sebetul-betulnya, projek ini akan mendatangkan faedah kepada negara ini.

Pengambilan 200 orang guru ini adalah berdasarkan kepada sebilangan besar Sekolah Menengah di luar bandar mempunyai taraf pencapaian Bahasa Inggeris amat rendah sekali. Dengan adanya guru-guru ini, adalah diharapkan keadaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah tersebut akan beransur bertambah baik.

Selain dari mengambil guru-guru Bahasa Inggeris dari Great Britain itu, Kementerian saya juga mempunyai rancangan-rancangan tertentu supaya pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah di negara ini dapat dijalankan dengan lebih berkesan. Rancangan-rancangan tersebut adalah seperti berikut:

(i) Sekolah-sekolah yang ditempatkan dengan guru-guru Bahasa Inggeris dari Britain ini diadakan sistem "counterpart". Ini bermakna seorang atau dua orang guru tempatan akan diarahkan mempelajari serta mengikuti segala kerja-kerja yang dijalankan oleh guru-guru Bahasa Inggeris dari Britain di sepanjang perkhidmatan mereka dari peringkat tingkatan I hingga ke tingkatan III. Dengan cara ini apabila tempoh perkhidmatan guru-guru Bahasa Inggeris dari Britain ini tamat, guru-guru tempatan tadi akan dapat menjalankan tugas-tugas pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris sepertimana yang telah dijalankan oleh guru-guru dari Britain tadi.

(ii) Guru-guru Bahasa Inggeris dari Britain ini juga akan diminta menyiapkan bahan-bahan kurikulum Bahasa Inggeris untuk Tingkatan I sehingga Tingkatan III. Bahan-bahan ini kelak akan dapat digunakan oleh semua Sekolah Menengah di negara ini pada satu masa nanti.

(iii) Guru-guru dari Britain ini juga akan diminta menganjurkan beberapa seminar di peringkat negeri untuk mendedahkan segala pengalaman dan kepakaran mereka di dalam bidang pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua kepada guru-guru Bahasa Inggeris tempatan.

(iv) Kementerian juga sedang mempergiatkan rancangan memberi latihan dalam berkhidmat di dalam bidang pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua kepada guru-guru Bahasa Inggeris tempatan yang tanpa mempunyai latihan tersebut. Projek ini dijalankan bukan sahaja pada peringkat Sekolah Menengah tetapi guru-guru di peringkat Sekolah Rendah juga turut terlibat. Kursus-kursus ini diadakan di pusat Bahasa Universiti Malaya, di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Maktab

Bahasa di RELC (Regional Language Centre) Singapura, Australia dan New Zealand.

(v) Kementerian saya juga sedang menambah lagi bilangan guru-guru pelatih di dalam bidang pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Mengenai soalan pengambilan semula guru-guru Bahasa Inggeris yang telah bersara, Kementerian tidak dapat berbuat demikian. Ini adalah kerana beberapa perkara yang bersabit dengan perkhidmatan dan juga soalan penempatan, yang Kementerian saya rasai amat sukar diatasi. Misalnya ramai di antara guru-guru Bahasa Inggeris yang telah bersara ini tidak berapa gemar berkhidmat di kawasan luar bandar ataupun di daerah pendalaman yang agak jauh dari tempat kediaman mereka yang asal. Soalan seperti ini telah juga dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim pada 16hb Julai, 1979, dan telahpun saya jawab.

PINJAMAN PERUMAHAN—MENAIKKAN JUMLAH

3. Tuan K. Kumaran minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan menaikkan jumlah pinjaman perumahan memandangkan kos pembinaan rumah sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak faham apakah maksud soalan ini kerana ia tidak ditujukan kepada golongan yang khusus dan soalan ini adalah terlampau umum.

Bagi kakitangan perkhidmatan awam, Kerajaan sedang mengambil keputusan untuk menaikkan jumlah pinjaman perumahan serta juga melanjutkan tempoh pembayaran balik dari 15 tahun hingga 25 tahun memandangkan kepada kos pembinaan rumah yang sudah melambung tinggi dengan tujuan untuk membantu kakitangan-kakitangan Kerajaan membina dan memiliki rumah sendiri.

Bagi mereka yang berpendapatan rendah di luar perkhidmatan awam, rancangan pinjaman untuk rumah-rumah kos rendah adalah dikendalikan oleh MBSB bagi pinjaman tidak melebih $20,000 dengan dikenakan faedah sebanyak 5.5% setahun. Institusi-institusi kewangan pula digalakkan memberi pinjaman kepada kadar tidak melebihi 9% setahun bagi pinjaman tidak melebihi $100,000 sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah garis panduan pinjaman yang dikeluarkan oleh pihak Bank Negara Malaysia.

Kemudahan-kemudahan pinjaman daripada institusi-institusi kewangan akan diperbaiki lagi apabila siap kajian yang dibuat oleh Bank Negara bersama-sama dengan bank-bank perdagangan dan institusi-institusi kewangan yang lain di Malaysia.

PENJAJA-PENJAJA DI KUALA LUMPUR

4. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar ramai penjaja-penjaja di sekitar Kuala Lumpur tidak diberikan kemudahan yang memuaskan; jika sedar, apakah rancangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur untuk memperbaiki keadaan tempat penjaja-penjaja yang lebih baik dan selesa.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan.

Kerajaan sedar tentang adanya sebilangan penjaja-penjaja di sekitar Kuala Lumpur yang tidak diberikan kemudahan yang memuaskan. Untuk mengatasi keadaan ini, Kerajaan telah dan akan melaksanakan berbagai projek/rancangan khas untuk penjaja-penjaja/peniaga-peniaga kecil di Ibukota ini.

Dewan Bandaraya di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan sentiasa berusaha bagi mendapatkan tapak/kawasan yang sesuai untuk penjaja-penjaja ini berniaga. Umpamanya, di mana-mana tempat yang masih terdapat tanah-tanah lapang, lorong-lorong belakang, padang letak kereta dan sebagainya yang sesuai, Dewan Bandaraya akan membenarkan penjaja-penjaja kecil menjalankan perniagaan. Selain dari itu Dewan Bandaraya juga mempunyai rancangan sendiri membina kompleks-komleks peniaga-peniaga/penjaja-penjaja seperti Kompleks Bazaar Jalan Munshi Abdullah, Kompleks Perniagaan dan Pasar Sungei Besi, gerai makan Jalan Sultan Muhammad, Gerai Makan Jalan Duta dan Kompleks Perniagaan Kecil dan Pasar Pekan Batu. Kompleks-kompleks ini yang sedang dan akan dilaksanakan, akan juga dibekalkan

dengan kemudahan asas seperti letrik dan air, untuk kesenangan penjaja-penjaja yang akan ditempatkan disitu kelak. Dewan Bandaraya juga mempunyai rancangan supaya setiap kompleks perniagaan di Kuala Lumpur mengkhaskan tempat/tingkat-tingkat yang tertentu untuk penjaja-penjaja kecil berniaga di kompleks-kompleks tersebut. Langkah-langkah yang sedang/akan diambil ini bertujuan untuk memperbaiki lagi kedudukan dan taraf peniaga-peniaga di Ibukota ini.

Selain dari kompleks-kompleks penjaja, Dewan Bandaraya juga akan menyediakan gerai-gerai berkunci dan juga gerai makan bertutup untuk penjaja-penjaja kecil. Dengan menempatkan mereka di kompleks-kompleks penjaja dan gerai-gerai, adalah diharapkan penjaja-penjaja yang berlesen akan dapat menjalankan perniagaan mereka dengan lebih baik, dengan adanya kemudahan-kemudahan yang disediakan itu.

Puan Rahmah binti Othman Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebutkan berkenaan dengan kompleks-kompleks bazaar yang hendak diusahakan oleh Dewan Bandaraya. Masalahnya yang dikemukakan oleh Persatuan Penjaja-penjaja baru-baru ini di Kongres Bumiputra, mereka tidak langsung menyebutkan masalah menghadiri/menyertai dalam kompleks-kompleks ini, masalah yang dihadapi oleh penjaja-penjaja kecil di sekitar bandar Kuala Lumpur pertama sekali masalah lesen yang hendak diperolehi. Yang kedua masalah dan kemudahan untuk mereka hendak memajukan perniagaan kecil mereka itu, ia-itu mendapatkan bantuan daripada bank-bank langsung tidak dapat layanan. Kita semua tahu bahawa kalau mereka ini ditempatkan di dalam satu-satu kompleks memanglah baik tetapi bayarannya begitu mahal bagi mereka.

Apa yang kita dapat lihat sekarang ialah makanannya kalau dilihat penjaja-penjaja kecil ini yang menjual makanannya baik sehinggakan terutama sekali di belakang Hilton yang telah dinamakan "Hilton Corner", banyak pegawai-pegawai tinggi pun pergi ke situ juga. Tidakkah dapat pihak Bandaraya mengadakan satu kemudahan bagi mereka ini tempat yang bersih jika itu diiktirafkan sebagai satu "Hilton Corner" yang istimewa, orang tidak dapat hendak pergi ke Hilton, dekat situ pun jadilah, dapat nama Hilton. Tidakkah boleh Bandaraya pada waktu sekarang ini memaju/mengusahakan satu jalan supaya tempat itu dijadikan tempat makanan bagi pegawai-pegawai dan orang-orang biasa yang hendak pergi ke situ.

Tiga perkara ini kalau dapat tolonglah jawab.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyatakan apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Sebenarnya, kalau kita lihat pada usaha yang sedang dijalankan oleh Dewan Bandaraya yang sedang mencari jalan untuk memberi beberapa kemudahan kepada peniaga-peniaga kecil dan sebagainya, soal yang dibangkitkan itu saya rasa tidak menjadi masalah sekiranya perkara ini disampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan, sebab tujuan Kementerian Wilayah semata-mata hendak memberi kemudahan-kemudahan kepada peniaga-peniaga kecil, khususnya peniaga bumiputra. Jadi, tiga perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu mengenai lesen, keduanya, kewangan dan yang ketiga, tempat-tempat yang selesa, sesuai bagi orang-orang yang membeli di kedai-kedai peniaga ini, saya rasa masalah ini tidak menjadi sulit sekiranya pihak berkenaan mengemukakan perkara ini kepada authority Kementerian Wilayah.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi kita telah mendengar penerangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri berhubung dengan gerai-gerai. Saya ingin bertanya tentang gerai Taman Ghazali Shafie yang buat masa ini memang keadaan penduduk-penduduk dan gerai-gerai itu sekarang telah gelisah akibat rancangan membesarkan jalan sehinggakan kedai-kedai makan di situ sekarang orang-orang tidak dapat datang lagi kerana hendak meletakkan kereta pun tidak ada tempat lagi. Oleh itu, saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri, apakah tindakan yang sewajarnya diadakan.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau itu telah menimbulkan masalah bolehlah pihak berkenaan menyampaikan perkara ini kepada pihak yang berkuasa, sebab kalau dilihat apa yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, satu projek yang besar sedang dibangunkan di kawasan itu dan tidak dapat tidak ini akan menyentuh kedudukan tempat-tempat

peniaga-peniaga kecil. Tetapi walau bagaimanapun, saya rasa sekiranya ini disampaikan terlebih awal langkah-langkah boleh diambil untuk menyelesaikan kesulitan ini.

KEBENARAN KAHWIN LEBIH DARI SATU

5. Tuan V. V. Aboo minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di kebanyakan negeri, kebenaran dari isteri pertama mestilah diminta oleh seseorang Islam untuk mengahwini isteri kedua. Mengapakah perkara ini tidak sama di semua Negeri.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar ada beberapa negeri telah membuat peraturan secara pentadbiran, ertinya dari segi administration iaitu sesiapa yang ingin berkahwin lebih daripada satu, ia terlebih dahulu disiasat dan ditanya oleh Kadi mengenai keupayaan dan kemampuannya dari segi syarak mengenai perkahwinan itu. Walau bagaimanapun, kebenaran isteri pertama sebagaimana yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah menjadi kriteria kepada pihak kadi membenarkan atau tidak perkahwinan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara ugama adalah di bawah bidangkuasa negeri-negeri. Oleh yang demikian, negeri-negeri adalah berkuasa membuat peraturan-peraturan nikah kahwin, cerai dan sebagainya untuk kepentingan dan kebaikan orang-orang Islam sendiri.

Puan Rahmah binti Othman: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya dua tiga perkara. Pertama sekali adakah Menteri yang berkenaan sedar masalah yang ditimbulkan sekarang ini ketidakadilan, bukan menyekat orang lelaki hendak kahwin satu, dua atau tiga, tetapi masalahnya oleh kerana wanita memberikan izin mereka kahwin maka timbul masalah yang tidak adil kepada isteri kedua dan ketiga dan seterusnya ada yang keempat. Adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan sedar bahawa masalah ini timbul dan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian yang berkenaan untuk menyelesaikan masalah ketidakadilan ini, sikap orang lelaki yang tidak adil kepada isteri kedua, ketiga dan keempat.

Yang kedua, saya ingin bertanya masalah deraf Undang-undang Keluarga. Deraf Undang-undang Keluarga Islam ini yang telah dibuat dalam tahun 1975 sehingga hari ini tidak dapat dilaksanakan.

Yang ketiga, penyelarasan pentadbiran Jabatan-jabatan Ugama di tiap-tiap negeri. Oleh kerana tidak ada penyelarasan ini maka timbul masalah pemberian nafkah kepada isteri-isteri dan juga masalah anak-anak mereka yang bersekolah tidak dapat diatasi dan oleh kerana tidak ada penyelarasan ini maka masih terdapat lagi suami-suami yang boleh kahwin di tempat-tempat lain.

Yang keempat, oleh kerana mengikut soalan tadi ini adalah berkenaan dengan pentadbiran negeri, saya ingin tahu kedudukan mufti-mufti di negeri-negeri. Adakah mufti-mufti ini dalam masa upacara-upacara rasmi di peringkat negeri-negeri hanya untuk membaca doa sahaja, malahan tempat duduk mereka di setengah-setengah negeri itu tidak diberikan tempat yang sebaik-baiknya memandangkan Ugama Islam adalah Ugama rasmi negara ini.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana apa yang saya telah terangkan tadi iaitu soal untuk menguatkuasakan satu undang-undang nikah kahwin, cerai, nafkah dan sebagainya ini adalah di dalam bidang kuasa negeri masing-masing dalam Persekutuan Tanah Melayu, iaitu Raja bagi negeri itu menurut Constitution ialah ketua ugama bagi negeri itu. Jadi kadi-kadi, mahkamah kadi berhak membuat peraturan nikah cerai, pesaka, kahwin dan sebagainya menurut keadaan setempat, menurut keadaan-keadaan yang timbul pada masyarakat di negeri itu.

Untuk mengelakkan terjadinya sebagaimana yang telah diterangkan oleh Ahli Yang Berhormat, lelaki yang tidak bertanggungjawab bila sudah kahwin, cerai isterinya, anaknya terbengkalai, tidak bersekolah, tidak diberi layanan, tidak diberi nafkah dan sebagainya, dia kahwin yang lain. Gejala seumpama inilah kadang-kadang berlaku dalam masyarakat. Oleh kerana hendak mengelakkan daripada gejala-gejala ini mahkamah kadi ini membuat beberapa peraturan, mengkaji, menyiasat orang yang hendak kahwin dua atau kahwin kali yang kedua, atau kahwin isteri yang kedua perlulah ada beberapa syarat-syarat yang tertentu.

Dalam Quran sendiri Tuan Yang di-Pertua, walaupun Tuhan menyatakan boleh kahwin empat tetapi ada syarat-syaratnya, kalau orang tidak ada syarat, tidak mencukupi syarat dia tidak dibenarkan kahwin, disuruh puasa supaya mengurangkan nafsu. Ini panduan dalam Al-Quran yang maha suci. Berasas kepada aturan inilah, kriteria ini diadakan oleh kadi-kadi yang ada di dalam tiap-tiap buah negeri di seluruh Persekutuan Tanah Melayu kita ini.

Soal ketidakadilan seperti apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, ada dua masalah di sini. Adil kepada Tuhan dan adil kepada manusia. Adil kepada Tuhan kena pada hukumnya, adil kepada manusia mengikut kebiasaan umum. Ertinya memberi segala kehendak yang munasabah, itulah adil kepada manusia. Kalau dikaji betul-betul dua keadilan ini tidak bersamaan. Kalau betul-betul hendak menggunakan keadilan mengikut Al-Quran, hendak mengikut kehendak Allah. Saya rasa apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat itu memanglah kalau suami seseorang perempuan mahu kahwin isteri yang kedua, tidak terlebih dahulu membuatkan perhitungan apa akan terjadi pada isteri yang pertama, apa akan terjadi kepada anak-anaknya dengan ongkos ataupun pendapatan bulanan tidak cukup, ini tidak boleh. Itu salah dari segi pandangan Islam kerana dia sendiri mencampakkan dirinya dalam kerosakan. Tuhan mengatakan: Wa la-tulku bi'aidi kum ila tah-lukah. Ertinya: Jangan kamu campakkan diri kamu ke dalam apa-apa kerosakan yang boleh timbul pada diri kamu, kepada masyarakat dan negara.

Jadi berasaskan kepada kriteria itu saya bersetuju dengan apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat iaitu orang yang tidak bertanggungjawab itu perlu dihukum dari segi perbuatannya.

Saya telah menyentuh dua tiga persoalan, pada akhirnya saya suka menyentuh apa yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tentang kedudukan mufti tiap-tiap negeri. Kedudukan mufti di tiap-tiap buah negeri adalah sebagai seorang yang boleh menentukan fatwa-fatwa di dalam ugama Islam kita, adakah satu-satu perkara yang telah timbul itu atau yang ditimbulkan oleh seseorang dalam masyarakat bertentangan dengan ugama, bertentangan dengan syarak bertentangan dengan falsafah ugama dan sebagainya, maka muftilah yang bertanggungjawab memberi fatwa kepada masalah yang diimbulkan atau timbul dalam satu masyarakat. Jadi bukanlah maknanya mufti itu hanya ditugas membaca doa, tetapi kita yang sekali-sekala mempergunakan mufti itu membaca doa, sebenarnya, tak perlu mufti membaca doa, siapapun boleh membaca doa. Tidak ada satu hukum dalam Islam yang mengkhususkan mufti membaca doa atau tok guru membaca doa. Tak ada dalam Islam, tidak ada peraturan begitu. Jadi tiap-tiap orang Islam boleh berdoa kepada Allah direct, tidak menggunakan sesuatu perantaraan antara kita dengan Allah. Jadi saya rasa kita jugalah yang terlibat yang mempergunakan mufti sebagai orang yang membaca doa, sepatutnya kita boleh cari orang yang menasabah membaca doa sebab mufti itu orang yang bertanggungjawab tentang memberi fatwa-fatwa mengenai ugama di dalam sesebuah negeri.

Berkenaan dengan penyelarasan pentadbiran ugama di antara Kerajaan Negeri dengan Pusat Islam iaitu Jabatan Ugama di bawah Jabatan Perdana Menteri yang di bawah pengawasan saya, penyelarasan itu hanya setakat kita mengumpulkan masalah yang ditimbulkan oleh masyarakat dan kita cuba menyelaraskan perjalanan di dalam sesebuah negeri dalam Persekutuan seperti sedang kita usahakan sekarang iaitu hendak menyamakan tarikh mulai puasa, tarikh berhari raya. Itulah sahaja tugas penyelarasan yang dapat Pusat Islam bertindak menyelaraskan pekerjaan ugama atau urusan ugama di seluruh Semenanjung Malaysia. Selain daripada itu tak boleh kita buat kerana kuasa ugama itu adalah di tangan Raja-raja di tiap-tiap buah negeri di seluruh Semenanjung Malaysia.

Tuan V. V. Aboo: Saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan iaitu kalau isteri yang pertama tak sihat suami boleh berkahwin seorang lagi. Jadi isteri yang pertama kalau tak beri kebenaran, siapa boleh beri kebenaran. (*Ketawa*).

Yang kedua, peraturan perkahwinan dan perceraian di negeri-negeri tak sama. Bolehkah Jabatan Ugama Pusat membuat satu undang-undang menyelaraskan di tiap-tiap negeri?

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, kalau isteri yang pertama tidak membenarkan suaminya ber-

kahwin dua, kalau cukup syarat pihak kadi tidak boleh buat apa-apa dan dia boleh kahwin yang kedua. Tetapi kalau dia tak cukup syarat-syarat di bawah peraturan-peraturan yang dibuat oleh Mahkamah Kadi, maka dia tak dapat kahwin isteri yang kedua sama ada isteri pertama benarkan atau tidak, kerana sudah ada peraturan-peraturan yang ditentukan. Soalan kedua saya tidak berapa ingat. Boleh ulang balik?

Tuan V. V. Aboo Undang-undang perkahwinan dan perceraian di negeri-negeri tidak sama jadi bolehkah pentadbiran Jabatan Ugama selaraskan?

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana peraturan yang ada sekarang di setengah tempat didapati tidak bersamaan dengan negeri-negeri yang lain di seluruh Semenanjung Malaysia. itulah sebab kita cuba hendak menyelaraskan segala perkara ugama asalkan tidak bercanggah dengan hukum syarak. Jadi buat masa sekarang kita dalam proses untuk membetulkan dan menyelaraskan semua pentadbiran ugama di seluruh Semenanjung Malaysia.

MAKTAB PERGURUAN—LATIHAN

6. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk mempastikan bahawa Institusi-institusi Latihan Guru menjalankan latihan dalam kemampuan penuh supaya kemudahan-kemudahan latihan diguna sepenuhnya.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha untuk menjamin penggunaan yang maksima kemudahan-kemudahan yang ada di maktab-maktab perguruan. Tiap-tiap tahun Kementerian Pelajaran mengeluarkan tawaran kepada calon-calon berlebihan daripada yang dirancangkan. Bagaimanapun kekosongan masih berlaku kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan seperti yang telah saya jelaskan semasa menjawab soalan Yang Berhormat sendiri pada 23-6-1980 atas perkara yang serupa. Umpamanya, bagi tahun-tahun 1977 hingga 1980 jumlah tawaran yang dikeluarkan dan bilangan calon yang sebenarnya diperlukan adalah seperti berikut:

Tahun	*Jumlah Tawaran yang dikeluarkan*	*Jumlah yang diperlukan*	*Berlebihan Tawaran*
1977	7,269	6,459	810
1978	7,153	6,449	704
1979	6,318	5,330	788
1980	6,963	5,770	1,193

PENDAFTARAN PENGUNDI-PENGUNDI

7. Tuan Chua Ching Cheng minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan mengesyorkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya mengadakan urusan pendaftaran pengundi-pengundi sepanjang tahun pada tahun-tahun akan datang.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat mengenai sistem pendaftaran pemilihan sepanjang tahun telah banyak kali dibangkitkan di dalam persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang lalu. Bagaimanapun suka saya memaklumkan sekali lagi bahawa Kerajaan tidak bercadang untuk mengesyorkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya supaya mengadakan urusan pendaftaran pemilih sepanjang tahun.

Dari pengalaman Suruhanjaya Pilihianraya, tempoh pendaftaran yang ditetapkan sekarang iaitu selama 30 hingga 42 hari bagi urusan pendaftaran pemilih adalah memadai. Orangramai yang layak biasanya berebut-rebut untuk mendaftar pada minggu terakhir urusan itu diadakan sedangkan di minggu-minggu awalnya tidak ramai yang datang mendaftar.

Pendaftaran sepanjang tahun adalah tidak sesuai kerana sikap anggota masyarakat di negara ini yang hanya melakukan sesuatu apabila mereka diminta berbuat demikian menerusi kempen-kempen yang intensif. Sekiranya pendaftaran sepanjang tahun dilakukan maka tidak ada kempen-kempen intensif dilancarkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya dan kerja-kerja pendaftaran akan berjalan seperti agensi-agensi Kerajaan yang lain. Ini tidak akan menimbulkan kesedaran yang dikehendaki bagi menggalakkan orangramai mendaftar sebagai pemilih dan saya percaya hasilnya akan menjadi lebih buruk lagi.

Tambahan pula urusan pendaftaran pemilih sepanjang tahun akan memerlukan perbelanjaan yang lebih besar yang tidak setimpal dengan hasil atau faedah yang diperolehi. Ianya melibatkan penggajian kakitangan yang lebih ramai atau penggunaan kakitangan-kakitangan Kerajaan di Jabatan-jabatan lain.

Suruhanjaya Pilihanraya juga akan mengalami kesukaran untuk menyediakan Rang Daftar Pemilih yang disahkan untuk satu-satu masa tertentu kerana tidak ada ketentuan mengenai pemilih-pemilih yang berdaftar secara khusus.

Suruhanjaya Pilihanraya mendapati lebih sesuai jika pendaftaran diadakan selama 42 hari menerusi cara yang lebih giat atau lebih intensif. Pada tahun ini Suruhanjaya Pilihanraya akan melibatkan sistem pendaftaran berpadu atau "Integrated Registration System" yang melibatkan tiga kaedah pendafaran yang berjalan secara serentak iaitu:

(i) Kaedah Pendaftaran Tetap (Statis centre)

(ii) Kaedah Pendaftaran Dari Rumah ke Rumah;

(iii) Kaedah Pendaftaran Unit Bergerak.

Sistem ini adalah lebih sesuai kerana kebanyakan masyarakat Malaysia tinggal di luar-luar bandar di mana di setengah-setengah tempat seperti di kampung-kampung terpencil kemudahan-kemudahan perhubungan adalah masih sangat terbatas.

Di samping itu Suruhanjaya Pilihanraya ini akan memperhebatkan publisiti dan penerangan-penerangan dalam kempen pendaftaran tahun 1980 ini dan untuk tahun-tahun yang akan datang.

Dalam usaha-usaha untuk mendapatkan warganegara Malaysia yang berkelayakan mendaftar diri menjadi pengundi peranan pemimpin-pemimpin masyarakat termasuk pemimpin-pemimpin politik seperti Ahli-ahli Yang Berhormat, amatlah diperlukan. Rakyat harus diberikan kesedaran terhadap hak dan tanggungjawab mereka kepada negara. Hak mengundi untuk memilih pemimpin-pemimpin mentadbir negara adalah merupakan hak istimewa yang diberikan oleh perlembagaan mengikut konsep pemerintahan demokrasi. Hak ini menjadi satu tanggungjawab kepada setiap warganegara untuk menentukan masa depan negara ini dengan memilih Kerajaan yang akan bertanggungjawab membela kepentingan rakyat dan negara termasuklah kepentingan generasi akan datang. Oleh itu, terserahlah kepada setiap rakyat untuk menggunakan hak ini dengan sukarela, jujur dan penuh bertanggungjawab.

RANCANGAN PERUMAHAN AWAM KOS RENDAH

8. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan tindakan yang diambil ke atas penghuni-penghuni rumah rancangan Kerajaan:

(*a*) yang tidak menjelaskan tunggakan sewa;

(*b*) yang memindah milik rumah mereka kepada orang lain; dan

(*c*) yang menyewakan rumah mereka kepada orang lain.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, rangkaikata "rumah rancangan Kerajaan" dalam jawapan saya kepada soalan 8 (*a*), (*b*) dan (*c*) adalah dimaksudkan "rancangan perumahan awam kos rendah" yang dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri melalui peruntukan daripada Kementerian saya.

Rancangan perumahan awam kos rendah itu adalah merupakan rancangan Kerajaan Negeri dan kuasa ke atas rumah-rumah tersebut adalah di dalam tangan Kerajaan-kerajaan Negeri atau di dalam bidangkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri. Dalam hubungan ini tindakan-tindakan yang diambil kepada penghuni yang tidak menjelaskan tunggakan, yang memindahkan milik dan menyewakannya kepada orang lain adalah terpulang kepada budibicara Kerajaan Negeri masing-masing. Ada kalanya tindakan yang diambil adalah berbeza di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain.

Pada keseluruhannya langkah permulaan Kerajaan Negeri adalah dengan memberi arahan kepada penghuni rumah-rumah tersebut supaya menjelaskan tunggakan atau menduduki rumah itu semula. Sekiranya arahan-arahan itu tidak diendahkan, tindakan undang-undang atau menarik balik rumah tersebut akan diambil oleh Kerajaan Negeri.

Datuk Syed Hassan Aidid: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita maklum iaitu rumah-rumah murah ini ialah untuk orang-orang yang berpendapatan rendah, tetapi apa yang saya dapat tahu banyak orang-orang yang senang, yang kaya, yang ada motokar memiliki rumah-rumah ini dan disewakan pula, kalau misalnya dia sewa daripada Kerajaan dengan harga $50 tetapi disewakan satu bilik $150. Jadi keadaan ini telah berjalan dengan lama sangat dan tidak dapatkah Kementerian ini mengadakan satu undang-undang, iaitu Undang-undang Kementerian sendiri supaya menyelaras semua negeri supaya perkara ini tidak berlaku lagi.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebagaimana saya katakan tadi mengenai dengan mengambil tindakan dan sebagainya adalah di bawah budibicara Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah membuat guideline atau cara-cara nasihat kepada Kerajaan-kerajaan Negeri, iaitu kalau sekiranya ada rumah-rumah yang ada seperti mana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi yang diberi dengan cara macam itu, maka orang ramai bolehlah dalam masa dua minggu atau satu minggu membuat bantahan kepada Kerajaan Negeri dan seterusnya kalau ada laporan-laporan disampaikan kepada Kementerian kerana Kementerian ada Jawatankuasa Komplen. Jika ada perkara-perkara yang spesifik, yang tertentu seperti mana yang ditanyakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bolehlah saya lihatkan dan kita akan mengambil tindakan.

PENGANGKUTAN AWAM MASSA

9. Dr Choo Kooi Fook (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Timbalan Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada terdapat rancangan-rancangan untuk melaksanakan satu sistem pengangkutan awam massa (mass transit system) bagi Lembah Kelang; jika ada, apakah rancangan-rancangan ini, dan bila akan dilaksanakan dan disiapkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya buat masa ini tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk melaksanakan satu sistem pengangkutan awam massa (Mass Transit System) bagi Lembah Kelang. Kerajaan pada ketika ini cuma membuat tinjauan secara kasar akan kemungkinan memperkenalkan sistem ini sebagai satu cara membaiki sistem pengangkutan awam. Kajian mendalam perlu dibuat sebelum satu-satu rancangan dicadangkan dan dilaksanakan. Dalam konteks ini Kementerian Pengangkutan memberi apa-apa bantuan dan kerjasama yang perlu untuk menjalankan kajian ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Mulia Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Perua, dengan izin, soalan No. 10.

KAPALTERBANG SKYHAWK UNTUK TUDM

10. Datuk Haji Ahmad bin Arshad (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada benar bahawa Kerajaan Malaysia akan membeli kapalterbang pejuang jenis baru dari Amerika.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya pohon izin untuk menjawab bagi pihak Kementerian yang berkenaan.

Memang benar Kerajaan Malaysia telah baru-baru ini membeli kapalterbang pejuang dari Amerika Syarikat. Pesawat yang dibeli itu adalah dari jenis Skyhawk (F.G.A.) yang boleh digunakan untuk serangan darat. Kapalterbang-kapalterbang tersebut adalah diperolehi dari reserve Kerajaan Amerika Syarikat. Kapalterbang-kapalterbang itu akan dipermodenkan dahulu dengan alat-alat yang lebih sesuai sebelum diserahkan kepada TUDM.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian ini dapat mempastikan bahawa kapalterbang pejuang yang kita beli daripada Amerika itu ialah kapalterbang second-hand. Asalnya kapalterbang ini daripala Kerajaan Israel, dijualkan kepada Kerajaan Amerika kemudian Kerajaan Amerika apabila barang sudah tidak laku dijual kepada Kerajaan Malaysia. Adakah Kerajaan boleh menjalankan penyiasatan atas dakwaan yang difahamkan kapada saya.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menyatakan bahawa bagi saya sendiri tidak dapatlah hendak

mempastikan bahawa adakah kapalterbang yang kita beli itu sama ada second-hand ataupun yang baru. Tetapi walau bagaimanapun kalau dilihat daripada akhir ayat jawapan saya iaitu "alat-alat yang lebih sesuai sebelum diserahkan kepada TUDM" ertinya "terlebih dahulu akan dipermodenkan dahulu dengan alat-alat yang lebih sesuai sebelum diserahkan kepada TUDM". Ini terpulanglah kepada orang membuat interpretasi sama ada kapalterbang itu second-hand atau kapalterbang baru yang tidak cukup lagi alat-alat moden, bagi saya, saya tidak dapat pastikan.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Menteri yang menjawab soalan ini sama ada Kerajaan mempunyai satu badan khusus untuk menilai kapalterbang-kapalterbang yang dibeli iaitu tidak melalui private organisations supaya perkara ini tidak didengar daripada percakapan salesmen.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan ada mempunyai badan yang khusus untuk menilai, mengkaji dan menyiasat senjata-senjata baru yang moden yang hendak dibeli. Kalau tidak bagaimana kita hendak ukur kekuatan senjata itu dengan kekuatan peperangan moden hari ini.

MUKTAMAR DAKWAH ISLAMIAH

11. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan keputusan Muktamar Dakwah Islamiah Asia Tenggara dan Rantau Pasifik baru-baru ini yang telah memilih Kuala Lumpur sebagai pusat bagi Majlis Dakwah Islamiah tersebut, apakah kesan dari keputusan tersebut khasnya mengenai campurtangan kuasa asing di Afghanistan dan tugas-tugas Majlis Dakwah Islamiah itu.

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, resolusi Muktamar Dakwah Islamiah Asia Tenggara dan Rantau Pasifik yang diadakan di negara kita baru-baru ini sedang dikaji dengan teliti oleh pihak penganjur untuk dilaksanakan apa-apa keputusan yang telah dibuat nanti.

Resolusi mengenai Afghanistan yang telah dipersetujui oleh Muktamar Dakwah Islamiah untuk Asia Tenggara dan Pasifik adalah menggambarkan perasaan dan pertentangan orang-orang Islam di rantau ini terhadap campurtangan tentera Russia di Afghanistan. Persidangan tersebut telah menentukan bahawa campurtangan dalam hal ehwal negara berkenaan adalah sebagai satu cara untuk menanamkan ideologi yang bertentangan ke atas orang-orang Islam di Afghanistan yang pada tradisinya telah mempertahankan kepercayaan mereka dan warisan Islam. Tindakan Soviet itu adalah satu ancaman kepada semua umat Islam.

Persidangan itu juga telah menyeru Persidangan Islam dan lain-lain Pertubuhan Islam supaya membantu masyarakat Islam di Afghanistan, khususnya mereka yang telah menjadi pelarian di negara-negara Islam yang berjiran. Seperti Ahli Yang Berhormat sedar, negara-negara Ahli Persidangan Islam di Persidangan Tergempar Negara-negara Islam di Islamabad pada bulan Januari, 1980 dan Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam ke 11 dalam bulan Mei, 1980, telah mengambil satu pendirian yang tegas terhadap campurtangan Soviet dan memberi mandat kepada Setiausaha Agung untuk melaksanakan resolusi-resolusi yang diambil berkenaan Afghanistan dan untuk menyelaraskan segala bantuan kebendaan dan kewangan yang ditujukan untuk pelarian-pelarian Afghanistan di Pakistan.

Tugas-tugas Majlis Dakwah Islamiah Rantau Pasifik yang dicadangkan, secara ringkasnya seperti berikut:

(i) Mewujudkan kerjasama di kalangan Pertubuhan-pertubuhan dan badan-badan dakwah di rantau tersebut berasaskan semangat tolong menolong untuk kebaikan ugama dan faedah umat Islam dalam bidang pelajaran. dakwah dan pengembangan ugama dan kebajikan.

(ii) Mengembangkan dakwah Islamiah dengan menubuhkan seberapa banyak Pusat Islam di negara-negara rantau tersebut bagi tujuan mengembangkan dakwah dan kebudayaan Islam.

(iii) Mewujudkan sebuah pusat dakwah untuk melatih mubaligh-mubaligh dari negara rantau tersebut supaya mereka dapat memainkan peranan dalam bidang (dakwah di negeri masing-masing (Pusat Dakwah) ini akan ditempatkan di Pulau Pinang).

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, Muktamar Dakwah Islamiah Asia Tenggara dan Rantau Pasifik yang kita adakan baru-baru ini amat penting bukan sahaja bagi orang Islam tetapi seluruh umat manusia dalam dunia ini sebab dakwah ini adalah menyelamatkan manusia iaitu tujuan asas yang paling diperinci.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya, saya memandang ketegasan Muktamar Dakwah Islamiah Asia Tenggara dan Rantau Pasifik memutuskan bahawa Russia ialah kita pandang amat berat kerana mengkhianati negara Afghanistan seperti itu. Itu adalah satu keputusan yang nyata, siapa pun tidak dapat nafikan tetapi saya hendak bertanya selain daripada tindakan-tindakan katalah kita mengadakan perjumpaan-perjumpaan yang demikian itu, adakah tindakan-tindakan misalannya bantuan moral atau bantuan sukarelawan akan dihantar ke Afghanistan demi keutuhan keselamatan manusia?

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, memang sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu iaitu dakwah ini amat penting dan oleh kerana penting itulah disuruh kita berdakwah dalam Al-Quran. Apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat mungkinkah atau tidak untuk Malaysia memberi sokongan moral kepada perjuangan Afghanistan, ini memang sudah kita beri sokongan moral dalam perjuangan umat Islam di Afghanistan sebagaimana yang telah berlaku dalam Persidangan Menteri-menteri Luar di Islamabad, keputusan-keputusan yang telah dibuat merupakan the greatest moral which you can give.

Yang kedua iaitu menghantar bantuan sukarelawan (volunteers to fight the Soviets) saya rasa ini belum sampai masanya lagi walaupun jika dilihat dalam semangat Islam kita harus berjihad dengan senjata kalau diserang atau satu masa nanti kalau diserang oleh negara lain, tetapi oleh memandangkan kepada keadaan dan kedudukan international belumlah dapat kita laksanakan iaitu untuk menghantar volunteers berperang dengan Soviet di Afghanistan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan saya dalam masalah ini adakah Muktamar Dakwah di kawasan Asia Tenggara yang diadakan baru-baru ini di Kuala Lumpur diarahkan oleh Kerajaan Pakistan dengan sebab pergolakan politik di Kabul, Afghanistan?

Yang kedua, kalau tidak diarah, setakat mana, banyak mana kemudahan kerjasama yang dapat diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada Muktamar itu?

Yang ketiga, adakah Kerajaan sedar bahawa dua orang Mubaligh daripada Afghanistan telah diusir keluar oleh Kerajaan ini, tidak dibenarkan mereka memberi ceramah di sebuah masjid di Kampung Bahru beberapa bulan lalu?

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Persidangan Dakwah Asia Pasifik baharu-baharu ini ialah dianjurkan oleh pihak PERKIM dan Rabitah yang mana kita tahu PERKIM adalah salah satu pertubuhan sukarela menyeru orang-orang bukan Islam memeluk ugama Islam dan menjalankan segala kebajikan yang berunsurkan Islam. Begitu juga Rabitah Islam merupakan dakwah itu adalah satu tugas yang telah diputuskan dalam resolusi yang saya sendiri menghadiri Persidangan Rabitah baru-baru ini. Bagi Malaysia ini kita perlukan dakwah. Ini yang penting bagi Malaysia terutama kedudukan rakyat di Malaysia dan kedudukan perkembangan ugama di rantau ini.

Berhubung dengan dua orang yang diusir dari Malaysia ini kerana hendak berceramah atau hendak memberi penerangan kepada umat Islam di sini, bagi saya, tidak dimaklumkan kepada saya ertinya saya tidak tahu hal ini.

BEKALAN AIR

12. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau akan menyediakan lebih banyak empangan dan kolam air untuk menampung keperluan beribu-ribu rumah baru dan yang sedang didirikan.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Tuan Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah sememangnya diambil untuk menambahkan keupayaan bekalan air di seluruh negara untuk menampung keperluan permin-

taan yang sentiasa bertambah termasuklah menyediakan lebih banyak empangan dan kolam air.

SAHAM BANK KEPADA BUMIPUTRA

13. Tuan Haji Abdul Latip bin Haji Idris minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan mengadakan peraturan supaya semua bank perniagaan di Sarawak dikehendaki menjual saham-saham mereka kepada bumiputra sejajar dengan Dasar Ekonomi baru; jika ya, bilakah cadangan itu akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa bank-bank perdagangan di Sarawak telahpun dan sedang mengambil tindakan yang sesuai untuk mematuhi matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Oleh itu, kita perlu satu peraturan khas diadakan untuk tujuan tersebut.

SKIM PINJAMAN PERUMAHAN PEKERJA RENDAH

14. Tuan Haji Abdul Samad bin Said minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan permohonan yang telah diterima oleh Kementerian bagi mendapatkan pinjaman perumahan di bawah Skim Pinjaman Perumahan Pekerja Rendah dan berapa yang telah diluluskan setakat ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat sehingga 31hb Mei, 1980 sebanyak 2.382 permohonan bagi mendapatkan pinjaman perumahan telah diterima oleh Kementerian saya. Dari jumlah tersebut sebanyak 516 permohonan telah diluluskan, 933 permohonan ditolak dan 933 permohonan sedang dalam tindakan.

PELAJAR BUMIPUTRA/BUKAN BUMIPUTRA—KAJIAN KEMAJUAN

15. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada pelajar-pelajar Bumiputra dan bukan Bumiputra telah bersama-sama maju di bidang pelajaran di peringkat Rendah, Menengah dan Tinggi.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Pelajaran belum mengadakan kajian yang menyeluruh untuk membandingkan kemajuan pelajar-pelajar bumiputra dengan pelajar-pelajar bukan bumiputra. Walau bagiamanapun, adalah dalam pengetahuan ramai bahawa pelajar-pelajar bumiputra masih jauh ketinggalan terutama dalam bidang sains dan teknologi jika dibandingkan dengan penuntut-penuntut bukan bumiputra.

KRISIS IRAN—AMERIKA SYARIKAT

16. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Malaysia telah menerima permintaan yang dibuat oleh Yang di-Pertua Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu meminta Malaysia membantu mencari jalan untuk menyelesaikan krisis Iran.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat itu bagi pihak Menteri Luar Negeri.

Soalan Yang Berhormat ini adalah hampir dengan soalan Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein yang saya baru jawab tadi. Saya tidak berniat untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan ini.

MAS—TAMBANG PERKHIDMATAN LUAR NEGERI

17. Tuan Yap Peng minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada MAS telah menaikkan tambangnya dengan kadar yang begitu tinggi untuk perkhidmatan luar negeri.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, beberapa cadangan untuk menaikkan harga tambang bagi penerbangan antarabangsa telah disyorkan oleh IATA oleh sebab kenaikan harga minyak. Setengah daripada cadangan ini telah dilaksanakan oleh MAS setelah mendapat persetujuan dari Kerajaan.

Dalam tahun 1979 MAS telah menaikkan tambang untuk penerbangan antarabangsa sebanyak 7% dalam bulan Mei dan 9%-15% dalam bulan September. Semenjak ini IATA mengesyorkan dua lagi cadangan untuk menaikkan harga tambang sebanyak 3%-5% dalam bulan Januari dan 9%-10%

dalam bulan April 1980. Kenaikan tambang-tambang ini akan dilaksanakan oleh MAS setelah mendapat persetujuan dari Kerajaan.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Menteri sedar tambang penerbangan MAS kerana perkhidmatan luar negeri adalah lebih mahal daripada tambang kapalterbang-kapalterbang asing seperti SIA, Thai International dan lain-lain. Maka dengan sebab itu orang-orang luar negeri terutama orang Malaysia sendiri lebih suka naik kapalterbang asing dari MAS oleh sebab tambang kapalterbang MAS ini lebih tinggi daripada tambang kapalterbang asing. Adakah Kementerian sedar dalam perkara ini. Kalau sedar, apakah langkah patut diambil untuk mengatasi masalah ini.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya jelaskan tadi syarikat-syarikat penerbangan antarabangsa dan negara-negara lain mengikut guideline yang ditentukan oleh IATA dan MAS bersama-sama dengan SIA dan Thai International pun sentiasa mengikuti guideline IATA.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya tidak mendapat jawapan yang tegas dari Menteri yang berkenaan. Adakah dia tahu yang tambang MAS ini lebih mahal daripada tambang kapalterbang asing, walaupun dia dalam IATA. Saya ambil satu contoh daripada Malaysia ke . . . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ini perlu diberi notis. Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 18 hingga 44 adalah diberi di bawah ini)

PEJABAT POS DI BANGUNAN WISMA PERSEKUTUAN

18. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Pejabat Pos (Cawangan) di Bangunan Wisma Persekutuan di Kuala Trengganu yang sangat sebok memberi perkhidmatan kepada semua Jabatan Kerajaan di Komplek itu dikendalikan oleh seorang Pegawai Pos sahaja dan jika sedar adakah apa-apa rancangan Kementeriannya untuk menyusun semula pentadbiran Pejabat Pos ini dengan menambahkan pegawai-pegawainya.

Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Leo Moggie anak Irok): Kementerian saya sedar akan kedudukan Pejabat Pos di Bangunan Wisma Persekutuan yang pada masa ini dikendalikan oleh seorang pegawai sahaja, kerana urusan perkhidmatan Pos di Pejabat Pos di Wisma Persekutuan ini tidak banyak kecuali pada masa-masa yang tertentu. Walau bagaimanapun, Kementerian ini akan menambah bilangan Pegawai Kerani di Pejabat Pos ini apabila urusannya bertambah.

SAHAM BUMIPUTRA

19. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak saham bumiputra telah terlepas ke tangan orang lain dan jika ya, nyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk memperolehi saham-saham ini semula.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Kementerian saya sedar bahawa kebanyakan Bumiputra telah menjual saham yang ditawarkan kepada mereka melalui Kementerian ini, semata-mata untuk mendapat keuntungan. Memandangkan bahawa perbuatan ini adalah tidak selaras dengan tujuan jangka panjang Dasar Ekonomi Baru, maka Kementerian saya, sejak bulan Januari 1980, telah tidak lagi menawarkan saham-saham yang diuntukkan melalui Kementerian saya, kepada Bumiputra-bumiputra individu dan juga syarikat-syarikat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, sesudah sesuatu saham itu dijual maka cara yang paling sesuai ialah untuk membelinya melalui pasaran terbuka atas harga pasaran. Cara ini dianggap tidak begitu baik kerana Kerajaan terpaksa membayar atas harga yang lebih jika hendak memperolehi balik saham-saham yang dijual itu.

Untuk mengelakkan perbuatan penjualan ini, Kementerian terpaksa hentikan penjualan saham melaluinya kepada Bumiputra perseorangan dan syarikat. Adalah dinasihatkan

supaya bumiputra-bumiputra memperolehinya dari pasaran terbuka dan juga melalui saham-saham amanah yang mana menjual unit-unit trust.

RUMAH PERDAGANGAN KOMODITI (COMMODITY TRADING HOUSE)

20. Tuan Alexander Lee minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa rumah-rumah perdagangan komoditi (Commodity Trading House) telah ditubuhkan dan menerima wang dari orang ramai tanpa sebarang pengawalan atau lesen, dan adakah Kementerian bertujuan untuk mengawal rumah-rumah perdagangan komoditi ini apabila mengambil cagaran dari orang ramai sama seperti Kerajaan mengawal ahli-ahli dari Pasaran Saham (Stock Exchange).

Dato' Lew Sip Hon: Di sini sukacitalah saya memberitahu Yang Berhormat bahawa Kerajaan memang sedar bahawa sejak kebelakangan ini beberapa syarikat dagangan komoditi telah ditubuhkan dan berkembang dengan pesatnya. Untuk mengawal dan mengawasi aktiviti syarikat-syarikat ini suatu Akta bernama Akta Dagangan Komoditi 1980 telahpun diperbahaskan dengan panjang lebar dan diluluskan oleh Parlimen pada sessi bulan April yang lalu dan Akta ini telahpun diwartakan pada 12hb Jun, 1980 dan saya akan menetapkan tarikh kuatkuasa Akta ini tidak lama lagi.

Akta Dagangan Komoditi ini akan memberi kuasa kepada Kerajaan untuk mengawal dan mengawasi kegiatan dan perjalanan semua syarikat-syarikat dagangan komoditi dengan tujuan untuk melindungi kepentingan orang-orang awam yang melibatkan diri di dalam perdagangan komiditi.

Akta tersebut itu akan membolehkan pengawalan dan pengawasan dijalankan oleh Kerajaan melalui beberapa cara. Apakala Akta ini dikuatkuasakan, semua peniaga (sama ada perseorangan atau Syarikat), penasihat dagangan komiditi dan wakil-wakil mereka akan diperlukan mendaftar dengan Pesuruhjaya Dagangan Komoditi dalam tempoh enam bulan dari tarikh penguatkuasaan Akta tersebut. Pesuruhjaya akan menentukan bahawa syarikat-syarikat yang tulen dan memenuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan dibenarkan menjalankan perniagaan mereka itu. Di samping itu beliau juga mempunyai kuasa untuk membatalkan atau tidak memperbaharui pendaftaran syarikat-syarikat yang dibuktikan terlibat di dalam amalan-amalan salah laku perdagangan atau tidak mematuhi syarat-syarat pendaftaran. Di antara syarat-syarat tersebut ialah pembayaran deposit yang tidak kurang dari $100,000 kepada Kerajaan oleh syarikat-syarikat dagangan komoditi yang masih meneruskan perniagaan mereka di Pasaran-pasaran Barangan Luar negeri seperti yang diperuntukkan oleh Seksyen 26 Akta ini.

Untuk mengawasi kegiatan-kegiatan syarikat tersebut dengan lebih berkesan lagi Akta ini juga menetapkan beberapa kaedah menyimpan akaun iaitu akaun secara berasingan bagi tiap-tiap orang pelanggan. Di samping itu Akta ini juga memberi kuasa kepada Pesuruhjaya untuk memeriksa akaun syarikat-syarikat yang berdaftar dan mengodit syarikat-syarikat tersebut apabila keadaan memerlukan. Dengan adanya peraturan-peraturan seperti yang saya jelaskan itu, pihak Kerajaan akan dapat mengawal dan mengawasi syarikat-syarikat yang berkenaan itu untuk memelihara kepentingan awam.

BEKALAN LETRIK LUAR BANDAR

21. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar tentang adanya arahan supaya penyampaian perbekalan letrik luar bandar ditahan (dihentikan) kepada setengah-setengah rumah rakyat kerana berlainan fahaman politik mereka; jika ya, nyatakan sama ada langkah itu dipersetujui atau sebaliknya oleh pihak LLN iaitu terus menyalurkan bekalan letrik tanpa mengira tentang perbezaan politik penggunapenggunanya.

Tuan Leo Moggie anak Irok: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tidak ada arahan dari Kementerian saya supaya penyampaian bekalan letrik luar bandar d tahan pada setengah-setengah rumah rakyat kerana berlainan fahaman politik mereka.

Mungkin apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah kejadian di mana setengah-setengah rumah tidak dibekalkan dengan letrik sekali gus dengan rumah-rumah lain di dalam sesuatu kampung apabila bekalan letrik diberi kepada kawasan berkenaan. Sebenarnya, keadaan seperti ini

memang timbul dari masa ke semasa dan sebab-sebabnya adalah berbeza mengikut keadaan dan masalah setempat.

Di antara masalah yang mungkin menyebabkan keadaan seperti ini berlaku ialah seperti masalah teknik atau masalah sosial setempat. Seperti yang Ahli Yang Berhormat sendiri sedar, LLN, terutama di dalam rancangan bekalan letrik luar bandar, seringkali menghadapi masalah-masalah keengganan setengah-setengah penduduk memberikan kerjasama yang sewajarnya. Umpamanya terdapat segelintir rakyat yang enggan memberi izin lalu bagi talian-talian penghantaran dan, seperti yang berlaku di Kelantan tidak lama dahulu, ada segelintir penduduk yang, bukan sahaja tidak memberi kerjasama, malahan sanggup merosakkan tiang-tiang letrik LLN. Di dalam keadaan sebegini, maka adalah agak keterlaluan mengharapkan LLN memberi bekalan letrik kepada semua rumah.

RANCANGAN UGAMA ISLAM DI RADIO

22. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa:

(*a*) rancangan-rancangan radio terdapat sekarang terlalu kurang rancangan Ugama Islamnya; dan

(*b*) sama ada rancangan Ugama Islam diadakan di sebelah pagi supaya suri-suri rumah tangga dapat mengikuti Rancangan itu.

Menteri Penerangan (Dato Mohamed bin Rahmat): Jumlah masa siaran yang diperuntukkan bagi rancangan-rancangan ugama Islam menerusi Radio pada ketika ini adalah mencukupi. Rangkaian Nasional menyiarkan lebih kurang 22 jam seminggu rancangan-rancangan Ugama Islam atau rancangan-rancangan yang berunsur Ugama Islam termasuk siaran Azan dan rancangan-rancangan seperti Renungan Sepintas Lalu. Rangkaian Biru menyiarkan sejumlah kira-kira 2 jam rancangan-rancangan Ugama Islam dan yang berunsur Islam. Rangkaian Hijau kira-kira 1 jam dan Rangkaian Merah hampir 5 jam. Jumlah keseluruhannya siaran Ugama Islam menerusi berbagai rancangan radio adalah lebih kurang 29 jam. Ini adalah rancangan-rancangan hari yang tetap tidak termasuk rancangan-rancangan khas bulan Ramadan, Maulud Nabi dan hari-hari perayaan Islam yang lain.

Rancangan Ugama Islam memang disiarkan sebelah pagi tiap-tiap hari. Rancangan-rancangan ini termasuk bacaan Al-Quran, Azan subuh, Doa', Nasyid, Renungan Sepintas Lalu, Taqwa, Lambaian Doa, Kasidah dan lain-lain. Kementerian ini berpendapat bahawa bilangan rancangan-rancangan Ugama pada ketika ini adalah mencukupi dan memberi kesan yang memuaskan.

IJAZAH DARI AMERIKA SYARIKAT/ KANADA—PENGIKTIRAFAN

23. Tuan T. S. Gabriel minta Perdana Menteri memandangkan adanya kelulusan dari beberapa universiti di Kanada dan Amerika Syarikat masih tidak diiktiraf oleh Kerajaan dan oleh kerana terdapat ramai pelajar Malaysia telah pergi ke kedua-dua buah negara ini untuk melanjutkan pelajaran mereka untuk menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memberi pengiktirafan kelulusan dari Universiti-universiti yang masih belum diiktiraf.

Perdana Menteri (Dato Hussein Onn): Kerajaan sememangnya memberi pertimbangan dari semasa ke semasa, dalam perkara memberi pengiktirafan ke atas Ijazah-ijazah daripada luar negeri, sama ada daripada Amerika Syarikat mahu pun Kanada, yang belum diiktiraf oleh Kerajaan mengikut keperluan Perkhidmatan Kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat pada dasarnya pengiktirafan yang diberikan oleh Kerajaan ke atas sesuatu Ijazah daripada luar negeri adalah bergantung kepada kesesuaian Ijazah yang berkenaan itu dalam Perkhidmatan Kerajaan.

LEBUHRAYA TIMUR-BARAT— KEGIATAN EKONOMI BUMIPUTRA

24. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan segala persiapan-persiapan yang sedang dan akan dibuat oleh pihak MARA, PERNAS dan UDA bagi mempastikan pemilihan dan penyertaan kaum bumiputra dalam kegiatan-kegiatan ekonomi yang akan dibuka berikutan dengan perlaksanaan projek raksaksa

Lebuhraya Timur-Barat terutama di dalam lapangan pengangkutan pelancungan dan perniagaan.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman): Kementerian saya dan agensi berkaitan memang mengikuti perkembangan projek Lebuhraya Timur-Barat ini. Di antara kemajuan yang akan timbul ialah pembangunan bandar-bandar dan perkampungan-perkampungan baru (new growth areas).

Ketika ini UDA dan MARA telahpun membuat kajian teliti tempat-tempat yang berpotensi untuk mengambil bahagian di dalam usaha-usaha pembangunan dan juga perusahaan-perusahaan kecil yang difikir sesuai dan boleh diwujud. Ekoran daripada ini galakan-galakan dan latihan tertentu akan diadakan. Dalam segi pengangkutan pihak Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan telahpun menerima banyak permohonan daripada perusahaan Bumiputra untuk memberi perkhidmatan di laluan tersebut.

TAHANAN AMERIKA DI IRAN

25. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil rundingannya dengan Presiden Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu semasa lawatan beliau ke Malaysia baru-baru ini dan sama ada bantuan Malaysia diminta untuk membebaskan tahanan Amerika di Iran.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Semasa lawatan Presiden Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu yang ke 34, TYT Tuan Salim Ahmed Salim ke Malaysia baru-baru ini, kami telah mengambil kesempatan untuk bertukar-tukar fikiran mengenai isu dan masalah antarabangsa dan rantau ini. Saya telah menegaskan kepada beliau bahawa Malaysia memandang berat terutamanya mengenai keadaan yang tidak tenteram di Asia Tenggara yang timbul hasil daripada kekacauan dan ketegangan di Indo-China dan mendesak akan perlunya pemulihan keamanan dicari berasaskan kepada resolusi Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Kampuchea yang mana usaha-usaha telahpun dibuat oleh negara-negara ASEAN.

Seterusnya, Presiden Perhimpuan Agung dan juga selaku Wakil Tetap Tanzania ke Bangsa-bangsa Bersatu telah dapat menilai dan memahami dengan lebih baik mengenai masalah yang dihadapi oleh Malaysia yang ditimbulkan oleh pendatang-pendatang haram Vietnam.

Di dalam perkara mengenai krisis Amerika-Iran, Presiden Perhimpunan Agung telah mencadangkan supaya negara yang mempunyai hubungan yang baik dan dipercayai oleh Iran seperti Malaysia hendaklah berusaha mencari penyelesaian tersebut. Saya telah memberi jaminan kepada Presiden itu bahawa Malaysia akan terus menyokong mana-mana inisiatif dan usaha-usaha ke arah penyelesaian damai terhadap masalah tersebut dan sekiranya boleh bersama-sama dengan negara-negara Islam dan Negara-negara Berkecuali yang lain.

PERUMAHAN PEKERJA LADANG DAN LOMBONG

26. Tuan K. Kumaran minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada Kerajaan akan melaksanakan rancangan perumahan sendiri untuk pekerja-pekerja lombong dan ladang getah dan nyatakan sama ada Kerajaan akan menaikkan lagi jumlah pinjaman bagi pekerja-pekerja ini memandangkan harga bahan-bahan rumah makin naik.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Sekarang ini, sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum, telahpun terdapat satu skim untuk memiliki rumah bagi pekerja-pekerja ladang dan lombong di negara ini. Perlaksanaan skim ini telahpun dilancarkan di mana 3 skim perumahan di ladang-ladang telah disiapkan. Beberapa skim lagi di ladang-ladang dan lombong sekarang ini adalah di dalam berbagai-bagai peringkat perancangan atau sedang menunggu kelulusan.

Jumlah pinjaman perumahan yang diberi kepada pekerja-pekerja di bawah skim ini, ialah sebanyak $7,500 sebulan. Pinjaman ini adalah melalui Tabung Pusingan yang diuruskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Perbincangan-perbincangan sedang berjalan sekarang di antara beberapa pihak-pihak berkuasa yang berkenaan dengan tujuan, untuk menaikkan jumlah pinjaman tersebut, dan jika perlu, pinjaman didapati dari sumber-sumber lain.

PENCEROBOHAN TENTERA RUSSIA DI AFGHANISTAN

27. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah cadangan Malaysia di Persidangan Menteri Luar Negara-negara Islam yang bersidang di Islamabad, Pakistan bagi mencapai usaha antarabangsa untuk mengundurkan tentera Soviet yang sedang berada di Afghanistan.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Dalam ucapan saya di Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam ke 11 di Islamabad baru-baru ini, kita telah menegaskan sekali lagi sokongan kita terhadap keputusan Sidang Tergempar Pertubuhan Persidangan Islam yang mengecam keras pencerobohan tentera-tentera Soviet terhadap rakyat Afghanistan dan menyeru supaya semua bala tentera Soviet ini diundurkan dari negara itu dengan serta-merta tanpa apa-apa syarat.

Malaysia juga menyokong keputusan Persidangan Islam menubuhkan Jawatankuasa Tiga Orang yang dianggotai oleh Setiausaha Agung, Pertubuhan Persidangan Islam serta Menteri-menteri Luar Iran dan Pakistan yang telah diberi tugas mencari jalan untuk mendapatkan penyelesaian yang menyeluruh kepada masalah itu. Setakat ini Jawatankuasa ini telah bersidang dua kali, di Teheran dan Geneva. Di mesyuarat kedua, semua golongan Mujahiddeen Afghanistan telah hadir. Kita berharap inisiatif Persidangan Islam ini akan berjaya mendapatkan semua pihak-pihak yang berkenaan ke meja perundingan untuk membincangkan penyelesaian kepada masalah Afghanistan.

MINYAK DIESEL BERCAMPUR MINYAK TANAH

28. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kementerian membuat pemeriksaan ke atas stesen-stesen minyak di negara ini dari semasa ke semasa dan sama ada beliau sedar ada berlakunya kejadian di mana minyak diesel yang dijual di stesen-stesen minyak telah dicampurkan dengan minyak tanah. Jika sedar, berapakah kes yang telah diambil perhatian setakat ini.

Dato' Lew Sip Hon: Kerajaan memang sedar ke atas adanya setengah-setengah stesen minyak yang menjual minyak diesel bercampur dengan minyak tanah, tetapi amalan seperti ini tidaklah berlaku dengan berleluasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian saya memang telah, sedang dan akan terus mengambil contoh-contoh bukan sahaja minyak diesel bahkan juga minyak petrol di stesen-stesen minyak untuk menentukan tidak ada berlakunya pencamran. Walau bagaimanapun, kebanyakan daripada contoh-contoh minyak petrol dan diesel yang telah dianalisa oleh Jabatan Kimia didapati tulin dan tidak ada kesan sebarang campuran dengan minyak-minyak lain.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, daripada contoh-contoh yang telah diambil sehingga ini, sebanyak 12 kes percampuran minyak diesel dan petrol dengan minyak-minyak lain telah dikesan dan diambil tindakan. 3 daripada kes ini telah dibicarakan di mahkamah yang mana mereka yang berkenaan telah dihukum denda sejumlah $4,500.00 manakala 9 kes lagi masih dalam proses untuk menunggu perbicaraan.

RUMAH AWAM KOS RENDAH— PEMBELIAN

29. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada Kerajaan ada membuat undang-undang yang boleh menyekat seseorang membeli lebih dari satu unit rumah rancangan Kerajaan dan nyatakan jumlah kes yang telah dijumpai dan tindakan yang telah diambil ke atas mereka itu.

Dato' Haji Ramli bin Omar: Bagi jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat itu memang ada peraturan yang menyekat seseorang mendapat lebih dari satu unit rumah di rancangan-rancangan perumahan awam kos rendah. Setakat ini terkandung dalam peraturan-peraturan asas pembahagian rumah yang disediakan oleh Kementerian saya untuk dijadikan amalan atau panduan Kerajaan-kerajaan Negeri. Bagi mempastikan pemohon rumah-rumah tersebut memberikan butir-butir yang betul mereka adalah dikehendaki mengangkat sumpah bagi menentukan kenyataan-kenyataan yang diberikan dalam borang-borang permohonan itu benar. Di samping

itu nama pemohon-pemohon yang berjaya juga ditampal di tempat-tempat awam untuk memberi peluang kepada orang ramai membuat bantahan. Segala bantahan-bantahan yang diterima disiasat dengan teliti oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan sekiranya benar maka tawaran kepada pemohon berkenaan ditarik balik.

Mengikut rekod Kementerian belum ada kes di mana seseorang itu mendapat lebih daripada satu unit rumah awam kos rendah.

JENAYAH ROMPAKAN DAN SAMUN

30. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan orang-orang yang telah ditangkap yang terlibat dalam jenayah rompakan dan samun dan apakah langkah Kementerian akan ambil untuk membasmi perkara ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bilangan orang-orang yang telah ditangkap kerana terlibat dalam jenayah rompakan dan samun semenjak tahun 1978 hingga April 1980 adalah seperti berikut:

1978	*1979*	*April, 1980*
3,638	4,551	1,578

Langkah-langkah yang diambil untuk mengawal kejadian jenayah tersebut adalah:

(*a*) Mendapatkan kerjasama orang awam khasnya dari segi memberi maklumat yang berguna kepada polis;

(*b*) pemeriksaan yang rapi ke tempat-tempat seperti kelab-kelab malam dan tempat perjudian oleh pihak-pihak berkuasa;

(*c*) Menempatkan pegawai-pegawai polis di kawasan-kawasan yang ramai penduduknya dalam jangka masa yang panjang, agar orang awam dan polis dapat mengenali sesama mereka dan kerjasama antara polis dan orang awam akan lebih baik lagi;

(*d*) Pihak polis sering mengadakan mesyuarat perancang pencegahan jenayah bersama Rela dan Rukun Tetangga agar mereka dapat bersama-sama menjalankan kerja-kerja pencegahan jenayah;

(*e*) Menasihatkan ibubapa supaya menjaga dan mengawal anak-anak mereka supaya jangan terkeluar dari landasan ugama dan moral;

(*f*) Meminta kerjasama guru-guru untuk mengawal dan mengawasi murid-murid dan persatuan-persatuan di sekolah-sekolah;

(*g*) Menggesa orang awam menjalankan tugas Rukun Tetangga dengan penuh minat dan dedikasi;

(*h*) Mengenai kejadian-kejadian penyalahgunaan dadah Kerajaan sedang memperbesarkan Cawangan Anti-Narkotik di Jabatan Polis agar kejayaan yang lebih besar dapat diperolehi.

KES BUNUH

31. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada jumlah kes bunuh dalam masa empat bulan tahun ini telah bertambah jika dibandingkan dengan masa yang sama pada tahun dahulu.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Jumlah kes bunuh keseluruhannya dalam masa 4 bulan pertama tahun ini (Januari-April, 1980) telah meningkat sebanyak 6 kes jika dibandingkan dengan masa yang sama pada tahun lalu (1979). Kenaikan ini tidak dikirakan kenaikan yang membimbangkan kerana kebanyakan dari kes-kes ini berlaku dari perkara-perkara yang tidak dapat dielakkan seperti pergaduhan (perselisihan faham) dan membalas dendam.

Dari 86 kes yang dilaporkan dalam masa 4 bulan pertama tahun ini (1980), 23 darinya berpunca dari pergaduhan (perselisihan faham) dan dari 80 kes dalam masa yang sama tahun lalu (1979), 21 darinya juga berpunca dari pergaduhan (perselisihan faham). Kenaikan yang paling tinggi ialah kes balas dendam di mana telah meningkat dari 8 kes dalam masa 4 bulan pertama tahun lalu ke 15 kes dalam masa yang sama tahun ini.

KONTREK KEPADA PEMBORONG BUMIPUTRA

32. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

(*a*) tentang penyelewengan pegawai-pegawai di Jabatan Kerja Raya dalam memberi kerja-kerja yang dikhaskan kepada Bumiputera yang hanya 4.3% sahaja yang jatuh ke tangan pemborong-pemborong Bumiputera dari $400 juta pada tahun 1970 sepertimana yang disarankan oleh Menteri berkenaan dan sama ada peratusan itu telah bertambah sekarang; dan

(*b*) sama ada pegawai-pegawai yang melakukan penyelewengan itu dapat dikesan; jika ya, nyatakan tindakan yang telah diambil mengenai perkara ini.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Tuan Clarence E. Mansul):

(*a*) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebenarnya tidak ada penyelewengan dalam pemberian 4.3% dari jumlah $400 juta kerja-kerja kontrak kepada pemborong-pemborong Bumiputera yang dikeluarkan oleh JKR pada tahun 1970. Urusan pemberian kontrak adalah berdasarkan kepada keputusan yang dibuat oleh Lembaga-lembaga Tawaran JKR, yang mana ahli-ahlinya terdiri dari pegawai-pegawai dari pelbagai jabatan. Di peringkat negeri ia dipengerusikan oleh Pegawai Kewangan Negeri (bukan Pegawai JKR), tetapi di peringkat Persekutuan ianya dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JKR. Dengan adanya keahlian dari pelbagai jabatan Kerajaan dan prosidur tender yang tertentu, saya yakin soal penyelewengan pegawai-pegawai di Jabatan Kerja Raya dalam memberi kerja-kerja tidak timbul. Kerja-kerja yang dikhaskan untuk kontrektor Bumiputera telah mula diamalkan oleh Jabatan Kerja Raya selepas keputusan dibuat oleh Majlis Tindakan Negara pada November, 1972. Mulai daripada 1hb Januari 1973, JKR telah mula menguntukkan 30% kerja-kerja tawaran kepada kontrektor Bumiputera selain daripada kerja-kerja "requisition" yang sememangnya dikhaskan hanya untuk Bumiputera. Untuk melaksanakan perkara ini satu cawangan di bawah JKR telah ditubuhkan yang khas untuk menentukan bahawa penentuan 30% kepada pemborong Bumiputera sentiasa dilaksanakan. Bahagian ini telahpun diperbesarkan dan sekarang ini diletakkan di bawah Kementerian saya iaitu Bahagian Penyertaan Bumiputera.

(*b*) Oleh kerana tidak ada penyelewengan yang timbul dalam perkara ini, maka soal tindakan yang telah diambil di dalam perkara ini tidaklah timbul.

PERJANJIAN GETAH ASLI ANTARABANGSA/PUSAT PASARAN GETAH ASLI

33. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan jumlah negara yang telah memeterikan perjanjian Getah Asli Antarabangsa dan apakah faedah besar yang diperolehi oleh Malaysia dari perjanjian itu.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Sehingga 12-6-80 hanya negara Malaysia yang telah memeterikan iaitu menandatangani dan mengesahkan Perjanjian Getah Asli Antarabangsa. Sehingga 12-6-80 juga beberapa buah negara lain telah menandatangani Perjanjian itu tetapi belum mengesahkannya lagi. Negara-negara yang telah menandatangani tetapi belum lagi mengesahkan Perjanjian tersebut ialah Perancis, Amerika Syarikat, Indonesia, Jepun, Denmark dan Kesatuan Ekonomi Eropah (EEC).

Perjanjian Getah Asli Antarabangsa yang telah dijalinkan boleh mendatangkan banyak faedah kepada negara apabila Perjanjian itu dikuatkuasakan kelak. Terutamanya Perjanjian untuk menjaga kepentingan perusahaan getah asli dengan mempertahankan harga pada paras sekurang-kurangnya yang ekonomik dan adil kepada pekebun-pekebun kecil dan pengeluar-pengeluar yang lain. Dalam hal ini satu setok penimbal sebanyak 400,000 tan boleh ditubuhkan di bawah Perjanjian ini dan sebagai langkah besar untuk menjaga harga getah tidak jatuh di bawah kira-kira 168 sen sekilo berdasarkan kepada harga purata RSS 1, RSS 3 dan SMR 20. Sebaliknya kecuali setok penimbal dapat ditubuhkan, Perjanjian ini tidak berupaya menjaga harga bumbung yang telah ditetapkan. Dalam keadaan harga getah yang merosot pekebun-pekebun kecil akan mendapat lindungan harga pada paras yang ekonomik manakala dalam keadaan harga getah yang meningkat naik pekebun-pekebun kecil akan terus dapat menikmati dari kenaikan harga getah tersebut.

Oleh kerana sektor getah menyumbangkan kira-kira 18.5% kepada hasil pendapatan negara penstabilan harga getah seumpama ini juga memberi pendapatan negara yang lebih tetapi dari sektor getah dan ini memudahkan pihak Kerajaan Pusat membuat perancangan dalam usaha-usaha pembangunan negara. Perjanjian Getah Asli Antarabangsa ini juga bertujuan bagi mempergiatkan bidang penyelidikan untuk menambahkan pengeluaran getah di masa yang akan datang. Perjanjian itu juga menggalakkan langkah-langkah yang positif diambil oleh negara-negara pengeluar bagi menambahkan pembekalan dan pengeluaran getah asli. Langkah-langkah seumpama ini bersama-sama dengan harga getah yang lebih terjamin akan menimbulkan suasana pelaburan yang lebih menarik bagi pengusaha-pengusaha dan pengeluar-pengeluar getah asli di masa akan datang, dan ini adalah selaras dengan langkah-langkah Dasar Pengeluaran Dinamik yang sedang digubal oleh Kementerian saya sekarang.

PERPADUAN MASYARAKAT ISLAM

34. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa untuk mengekalkan keamanan dan perpaduan terutama di kalangan masyarakat Islam sendiri adalah penting dan jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil untuk meningkatkan lagi kerjasama di kalangan masyarakat berbilang bangsa di negara ini dan cara menentang segala jenis ancaman musuh di negara ini.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Kerajaan memang sedar betapa penting keamanan dan perpaduan di kalangan masyarakat majmuk di Malaysia ini dikekalkan supaya pembangunan negara pada keseluruhannya tidak terjejas. Sesungguhnya telah banyak usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan termasuklah Dasar Ekonomi Baru yang dilaksanakan sejak 10 tahun yang lalu dengan matlamat mewujudkan perpaduan yang berkekalan. Kerajaan, melalui beberapa agensi tertentu adalah dari masa ke semasa menjalankan kegiatan-kegiatan yang dapat merapatkan lagi perhubungan masyarakat berbilang kaum, termasuklah masyarakat Islam sendiri, supaya kerjasama di kalangan masyarakat dapat ditingkatkan lagi dan keamanan serta perpaduan dapat dikekalkan.

Malahan Kerajaan telah menubuhkan Lembaga Perpaduan Negara pada tahun 1974 yang sekarang ini telah dicantumkan dengan Urusetia Rukun Tetangga, dinamakan sebagai Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara. Percantuman itu sendiri jelas menunjukkan betapa Kerajaan menitik beratkan perpaduan masyarakat dan keamanan negara. Usaha-usaha Kerajaan khususnya melalui beberapa kegiatan-kegiatan yang dijalankan oleh Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara adalah sejajar dengan hasrat mewujudkan satu masyarakat yang "Problem Solving Oriented", yang mempunyai sifat-sifat berdikari, bertanggungjawab bersatupadu berdisiplin dan bersedia berkhidmat kepada bangsa dan negara.

PAIP AIR DI GERAI MAKANAN

35. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada pihak Kementerian bercadang untuk memberi kemudahan seperti api dan air bagi gerai-gerai makanan di hadapan pasar, jika ya bila dan jika tidak mengapa.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Hussein Onn): Dewan Bandaraya memang ada menyediakan kemudahan paip air bagi gerai-gerai makanan yang terdapat di hadapan mana-mana pasar di Kuala Lumpur. Bekalan air ini adalah sebagai satu kemudahan awam kepada semua penjaja di situ yang mempunyai gerai-gerai kereta tolak/statik yang menjual bahan makanan. Walau bagaimanapun, buat masa ini Dewan Bandaraya tidak mempunyai rancangan untuk membekalkan kemudahan letrik kepada gerai-gerai di hadapan pasar oleh kerana gerai-gerai di situ adalah gerai-gerai sementara/kereta tolak sahaja. Juga perniagaan di gerai-gerai tersebut hanya dijalankan di waktu siang sahaja.

MENCOLEK BAYI DAN KANAK-KANAK

36. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan orang-orang yang telah ditangkap dan telah didakwa di mahkamah atas tuduhan mencolek bayi-bayi di Pulau Pinang dan lain-lain tempat di Malaysia dalam tempoh 6 bulan ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Sejak awal tahun ini pihak polis telah menangkap 21 orang yang disyaki terlibat di dalam mencolek dan cubaan mencolek bayi dan kanak-kanak. Dari jumlah tersebut 12 orang telah didakwa di mahkamah, telah sabit kesalahan mereka dan dihukum penjara antara 4 bulan hingga ke 18 bulan tiap-tiap seorang. Yang lain-lain sedang menunggu perbicaraan.

GURU BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH-SEKOLAH

37. Tuan Ismail bin Sheik Ibrahim minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah semasa dan langkah jangka panjang yang sedang dan akan diambil oleh Kementerian ini bagi mengatasi masalah kekurangan guru-guru Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Kementerian saya sedang mengambil langkah-langkah berikut sebagai usaha untuk mengatasi kekurangan guru-guru Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah:

1. Lebih banyak Biasiswa kini diberikan kepada mahasiswa-mahasiswa yang mengambil kursus TESL (Teaching of English as a Second Language) atau pengkhususan dalam Bahasa Inggeris di Universiti-universiti tempatan.
2. Langkah-langkah juga sedang diambil untuk menghantarkan calon-calon Biasiswa Kerajaan ke Universiti-universiti di Amerika Syarikat, Kanada, Australia dan New Zealand untuk mengambil kursus TESL yang membawa kepada Ijazah Sarjana. Bagi calon-calon yang dihantar ke United Kingdom pula mereka dikehendaki mengambil Ijazah Sarjana Muda dalam Pengajian Inggeris atau TESL.
3. Kementerian saya juga pada masa ini menghantar guru-guru siswazah yang kini tidak mempunyai pengkhususan dalam Bahasa Inggeris tetapi sedang mengajar Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah di mana mereka sedang bertugas sekarang, ke Fakulti Pendidikan Universiti Malaya untuk mengikuti Kursus Intensif TESL selama 10 minggu. Selepas kursus ini mereka dikehendaki bertugas sebagai guru Bahasa Inggeris sepenuhnya.
4. Kementerian saya juga mengadakan kursus Bahasa Inggeris bagi guru-guru terlatih yang tidak mempunyai pengkhususan dalam Bahasa Inggeris, tapi mempunyai kepujian dalam MCE atau kelulusan yang sama taraf di peringkat HSC dan kini tidak mengajar Bahasa Inggeris, dan ingin pula mengajar Bahasa Inggeris sebagai matapelajaran utama. Kursus ini sedang diadakan di Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur dan ia memakan masa 6 bulan.
5. Jumlah guru-guru pelatih yang mengambil pengkhususan dalam Bahasa Inggeris juga ditambah mengikut keperluan di Sekolah. Mulai tahun 1981, guru guru pelatih yang mengikuti Kursus Pendidikan Peringkat Awal Remaja (PPAR) dikehendaki mengambil satu matapelajaran pengkhususan dalam Bahasa Inggeris dan tidak lagi 2 opsyen (iaitu Bahasa Inggeris digabungkan dengan matapelajaran Ilmu Alam, Muzik, Pendidikan Seni atau Sejarah) seperti yang diamalkan sekarang ini.
6. Sebagai Yang Berhormat sedia maklum Kementerian saya juga telah berikhtiar untuk mendapatkan 200 orang guru Bahasa Inggeris dari United Kingdom untuk mengajar di sekolah-sekolah menengah di negeri ini. Setakat ini seramai 45 orang telahpun diletakkan di sekolah-sekolah di Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor. Pada tahun 1980 ini dijangka seramai 80 orang lagi akan tiba dan 75 orang lagi akan diambil untuk tahun 1981.

Langkah-langkah yang tersebut di atas akan diteruskan sehingga masalah kekurangan guru-guru Bahasa Inggeris ini dapat diatasi sepenuhnya.

PERBADANAN JAMINAN KREDIT—WANG GANTIAN PINJAMAN

38. Tuan K. Kumaran minta Menteri Kewangan menyatakan angka jumlah kes dan jumlah wang yang telah dikeluarkan oleh pihak "Credit Guarantee Corporation" untuk menggantikan pinjaman-pinjaman Bank-bank di bawah rancangan ini yang telah tidak dibayar balik kepada Bank oleh si peminjam yang berkenaan.

Menteri Kewangan Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Jumlah wang yang telah dibayar oleh Perbadanan Jaminan Credit

(CGC) untuk menggantikan pinjaman-pinjaman yang gagal dibayar balik oleh peminjam-peminjam berjumlah sebanyak $48,818.96 yang melibatkan 8 kes.

TAHANAN TEBUSAN AMERIKA DI IRAN

39. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Malaysia telah mencadangkan kepada persidangan Menteri Luar Negara Islam di Islamabad Pakistan bagi menyelesaikan keengganan Iran untuk membebaskan orang-orang tebusan Amerika.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Malaysia telah turut serta dalam perbincangan-perbincangan mengenai perkara ini semasa Persidangan Menteri-menteri Luar Negara-negara Islam ke 11 dan dalam ucapan saya di Persidangan itu, kita telah menyeru kedua-dua pihak untuk mencuba dengan sedaya upaya mengelakkan dari menjadikan masalah ini bertambah buruk. Kita berharap kedua-dua pihak akan lebih berhati-hati supaya masalah itu dapat diselesaikan secara damai melalui perundingan. Kita juga menyertai lain-lain negara Islam menyeru Iran supaya meneruskan usaha untuk mencapai satu penyelesaian secara damai dan supaya Amerika Syarikat jangan mengambil langkah-langkah yang boleh menjejaskan usaha-usaha penyelesaian secara damai.

Dalam pada itu juga, saya ingin menyatakan iaitu penahanan orang-orang tebusan yang berterusan oleh Iran yang melanggar prinsip-prinsip perhubungan antarabangsa adalah merupakan salah satu dari masalah yang dihadapi oleh kedua-dua negara yang terlibat. Iran masih lagi curiga terhadap tujuan Amerika Syarikat ke atasnya berdasarkan hubungan rapat Amerika dengan bekas Shah Iran serta pemerintahannya.

PENYELENGGARAAN SEKOLAH OLEH JABATAN KERJA RAYA

40. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian beliau memberikan senarai nama sekolah-sekolah tertentu kepada pihak Jabatan Kerja Raya yang dikira perlu diperbaiki.

Dato' Musa bin Hitam: Di dalam menjawab soalan Ahli Yang Berhormat ini, suka saya menjelaskan bahawa berdasarkan peruntukan yang diluluskan bagi setiap tahun untuk kerja-kerja pembaikan di sekolah-sekolah, Pengarah-pengarah Pelajaran Negeri mengeluarkan waran kepada pihak Jabatan Kerja Raya. Berserta dengan waran tersebut ialah senarai sekolah-sekolah di mana jenis kerja-kerja penyelenggaraan patut dijalankan.

OPERASI ISI PENUH

41. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Perdana Menteri menyatakan dengan terlancarnya Operasi "Isi Penuh" oleh Kerajaan untuk menyatakan:

(*a*) jumlah jawatan-jawatan Kerajaan dan separuh Kerajaan yang telah diisi; dan

(*b*) jumlah jawatan yang masih belum terisi, sebab-sebabnya jawatan-jawatan itu belum diisi dan usaha-usaha yang akan diambil bagi memenuhinya.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Sebanyak 34,522 tawaran telah dibuat bagi semua jenis jawatan di dalam kumpulan 'A', 'B', 'C', 'D', termasuk I.M.G., semenjak bulan Mei, 1979 sehingga 29hb Februari, 1980. Operasi Isi Penuh adalah melibatkan semua jawatan Persekutuan sahaja. Oleh yang demikian, jawatan-jawatan kosong di Badan-badan Berkanun, Kerajaan Negeri atau Kuasa-kuasa Tempatan tidaklah termasuk di bawah tindakan Operasi Isi Penuh. Kuasa untuk mengisi kekosongan bagi Kerajaan-Kerajaan Negeri dan Tempatan adalah terletak dalam bidang kuasa masing-masing.

Kebanyakan daripada jawatan-jawatan yang masih kosong selepas Operasi Peringkat Pertama adalah seperti jawatan-jawatan Polis Beruniform, jawatan profesional dan teknikal, serta jawatan-jawatan yang memerlukan kemahiran-kemahiran tertentu di mana calon-calon yang layak adalah sukar didapati.

Tindakan-tindakan sesuai juga sedang diambil kearah pengisiannya seperti mengadakan latihan-latihan dalam perkhidmatan, menambahkan pusat-pusat latihan, menambahkan bilangan pelajar-pelajar dan biasiswa-biasiswa di dalam bidang-bidang yang berkaitan, mendapatkan tenaga-tenaga mahir daripada luar negeri secara kontrek.

Selain daripada itu, sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sendiri sedia maklum, sebanyak lebih kurang 10,000 jawatan kosong Kera-

jaan Persekutuan telah diiklankan baru-baru ini, iaitu pada 7hb dan 8hb Mei, 1980 di dalam Operasi Peringkat Kedua dan adalah dijangkakan jawatan-jawatan itu akan dapat diisi sebelum akhir tahun 1980 ini.

KAD PENGENALAN BARU UNTUK KANAK-KANAK ASING— SINDIKET HARAM

42. Tuan Abdullah bin Salleh minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(*a*) Langkah-langkah yang sedang dijalankan sekarang bagi membenteraskan sindiket haram yang cuba mendapat kad pengenalan baru untuk kanak-kanak negara asing bagi menjadi Warganegara Malaysia sepertimana yang diumumkan oleh Jabatan Imigeresen baru-baru ini; dan

(*b*) sama ada kejadian colek bayi yang berlaku sekarang ini ada kaitannya dengan sindiket haram ini.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

(*a*) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan telah memperketatkan lagi cara atau sistem pengeluaran cabutan sijil-sijil kelahiran yang mana ia hanya diberikan kepada pemohon-pemohon seperti ibu bapa, saudara-saudara yang rapat atau peguam sahaja. Nombor kad pengenalan kanak-kanak dicatitkan di bahagian hadapan sijil tersebut manakala nombor-nombor kad pengenalan nama pemohon dicatitkan di bahagian belakang Sijil tersebut. Selain daripada itu Jabatan Pendaftaran Negara sedang mengkaji cara-cara yang lebih berkesan supaya sijil-sijil kelahiran orang yang telah meninggal dunia dapat diserahkan kembali, dan catitan kematiannya akan dimasukkan ke dalam rekod-rekod kelahiran di peringkat negeri dan Ibu Pejabat Pendaftaran Negara.

Bagi kanak-kanak yang lahir di luar negeri yang menuntut kewarganegaraan Malaysia mereka adalah tertakluk di bawah Perlembagaan Persekutuan. Setiap permohonannya dikaji dengan teliti bagi mempastikan segala dokumen-dokumen yang dikemukakannya adalah tulin dan sah. Jika timbul keraguan ia akan dirujukkan kepada Jabatan-Jabatan berkenaan seperti Imigeresen, Polis atau lain-lain Jabatan.

(*b*) Setakat ini tidak ada bukti yang sah menunjukkan bahawa kejadian colek bayi itu ada kaitannya dengan sindiket haram seperti yang dimaksudkan.

PUSAT PASARAN GETAH ASLI DI KUALA LUMPUR

43. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan, dengan berpindahnya pusat pasaran getah asli ke Kuala Lumpur, sama ada pasaran ini akan meliputi bahan-bahan yang lain seperti kelapa sawit, kelapa kering dan kayu balak.

Dato' Paul Leong Khee Siong: Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan sedang berusaha untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai Ibu Pejabat bagi Perjanjian Getah Asli Antarabangsa ini. Ini adalah wajar memandangkan bahawa Malaysia ialah pengeluar getah asli yang terbesar di dunia dan juga menjadi pusat penyelidikan sains dan teknikal. Tambahan pula Ibu Pejabat Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) adalah terletak di Kuala Lumpur. Penempatan Ibu Pejabat Perjanjian Getah Asli Antarabangsa di Kuala Lumpur bukan sahaja akan meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai pengeluar utama getah asli bahkan juga akan menaikkan taraf Malaysia sebagai salah satu pasaran getah yang utama di dunia.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian saya akan melancarkan Pasaran Komoditi Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Commodity Exchange) pada bulan Ogos tahun ini yang mana ia akan bermula dengan pasaran kelapa sawit. Komoditi yang lain seperti bijih-timah, getah dan lain-lain lagi akan diniagakan di Pasaran Komoditi Kuala Lumpur ini apabila didapati sesuai kelak.

POLIS DI RAJA MALAYSIA— PENAMBAHAN ANGGOTA

44. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menambah anggota-anggota Polis di beberapa tempat yang penting di mana pihak polis tidak dapat memberi perkhidmatan dengan cukupnya kepada rakyat oleh kerana kekurangan anggotanya.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan telah dan sedang mengambil langkah bagi menambahkan bilangan anggota Pasukan Polis. Buat masa ini masalah yang dihadapi oleh Polis Di Raja Malaysia ialah mengenai kekurangan tempat untuk melatih rekrut-rekrut di Pusat Latihan Polis Di Raja Malaysia di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, tindakan telahpun diambil untuk membuka pusat-pusat latihan baru seperti di Bukit Siol, Kuching, Sarawak dan di Sungai Besar, Selangor. Pusat Latihan di Bukit Siol telahpun memulakan latihan rekrut seramai 120 orang dan apabila kerja-kerja penyesuaian siap kelak adalah diharapkan yang jumlah pelatihnya akan ditambah kepada 420 orang. Sementara itu di Sungai Besar kerja-kerja pembinaan/penyesuaian masih lagi berjalan dan dijangka akan siap pada 1-8-80 ini. Pusat latihan di Sungai Besar akan dapat melatih seramai 210 orang pada suatu masa. Adalah diharapkan yang kedua-dua pusat latihan baru ini akan siap sepenuhnya dan digunakan mulai 1-8-80. Kedua-dua pusat latihan baru ini akan dapat mengeluarkan seramai 1,260 anggota setahun sebagai tambahan kepada Pusat Latihan Polis Di Raja Malaysia yang sedia ada di Kuala Lumpur.

Selain dari itu Kerajaan juga sedang mengkaji kesesuaian untuk menubuhkan satu lagi pusat latihan yang boleh menampung 2,400 pelatih setahun di Air Hitam, Negeri Sembilan.

Walaupun Polis Di Raja Malaysia pada keseluruhannya mengalami kekurangan anggota buat masa ini tetapi kekurangan ini tidaklah membimbangkan dan menjejas keselamatan negara, dan dalam menempatkan anggota-anggota ini keutamaan adalah diberikan kepada tempat-tempat yang penting di kawasan-kawasan keselamatan. Kerajaan juga mengkaji keperluan dan keutamaan ini dari semasa ke semasa selaras dengan keperluan negara.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG AHLI-AHLI PARLIMEN (SARAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (23hb Jun, 1980).

3.38 ptg.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, menyambung ucapan saya pada petang semalam, saya sekali lagi mengalu-alukan Bil ini akan tetapi Bil ini juga ada cacat celanya yang patut Kerajaan menimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali Kerajaan tidak langsung menimbangkan perkhidmatan ahli-ahli yang lebih daripada 6 tahun. Umpamanya, boleh saya contohkan di sini Yang Berhormat Datuk Syed Hassan Aidid dari Pulau Pinang satu ketika dahulu dilantik oleh Kerajaan dengan persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjadi Pemangku Pentadbir Pulau Pinang. Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad yang pernah menjadi wakil Malaysia ke Bangsa-bangsa Bersatu, bercakap tidak bercakap, itu soal lain. Jeneral Tan Sri Haji Abdul Hamid bin Bidin yang pada satu ketika menjadi Pegawai Staff Angkatan Tentera. Yang Berhormat Dato' Othman bin Abdullah pernah menjadi Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Mustaffa Jabar yang pernah menjadi Timbalan Menteri tetapi perkhidmatan mereka ini cuma dikira 72 bulan sahaja yakni 6 tahun. Mereka tidak dapat lebih daripada $36,000 walaupun mereka berkhidmat 10, 12, 15 atau 20 tahun, apatah lagi Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk S.O.K. Ubaidulla dan Yang Berhormat Tok Pangku Pandak Hamid Ahli daripada Legislative Council hingga sekarang berkhidmat dalam Dewan Negara termasuk Tuan Yang di-Pertua sekali sebagai Ahli Dewan maka khidmat 6 tahun atau 72 bulan sahaja.

Saya rasa ini kurang adil, kerana hendak memperimbangkan kedudukan, memberi faedah kepada yang baru, yang lama ditinggalkan. "Sudah dapat gading bertuah, tanduk tidak berguna lagi." Adakah ini satu nekad Kerajaan?

Saya sedar barangkali ini satu kesilapan yang dibuat oleh penasihat-penasihat Kerajaan berhubung dengan pandangan kepada Ahli-ahli Dewan. Kalau sekiranya hanya diakui 6 tahun bermakna 72 bulan ertinya service yang lebih daripada itu tidak diakui Kami bukan hendak duit, Tuan Yang di-Pertua, kami hendakkan kira-kiranya, kemudian campurlah kira-kiranya itu dengan duitnya. Tetapi perkhidmatannya itu cuma

72 bulan, ini bermakna, perkataan 72 bulan ini menentukan tiap-tiap seorang Ahli dalam Dewan tidak lebih daripada 6 tahun. Boleh jadi Dewan Rakyat dan boleh jadi Dewan Negara. Kalau ini adalah pandangan Kerajaan, Kerajaan telah melanggar maksud Perlembagaan memilih Ahli Dewan Negara umpamanya:

"45 (2) Ahli-ahli yang akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong ialah orang-orang yang pada pendapatnya telah berbuat jasa cemerlang dalam perkhidmatan awam atau telah mencapai kepujian dalam lapangan profesyen, perdagangan, perusahaan, pertanian, kegiatan kebudayaan atau perkhidmatan masyarakat atau yang mewakili kaum-kaum yang kecil bilangannya atau yang mempunyai kebolehan mewakili kepentingan Orang-orang Asli."

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa bercakap dalam Bil ini kerana Bil ini khusus perbincangannya kepada hak Ahli Dewan Rakyat dan hak Ahli Dewan Negara walaupun pada mulanya semalam saya tidak gemar hendak bercakap dalam masalah ini akan tetapi kerana memohon keadilan, pertimbangan Menteri, lebih-lebih lagi kepada Yang Berhormat Mulia Tengku, semalam sahabat saya berkata tidak banyak Ahli Dewan ini yang patut dinaikkan. Saya tidak minta naik gaji, Tuan Yang d-Pertua, saya bersyukur pemberian yang ada hari ini; satu penghormatan. Tetapi menghilangkan jasa perkhidmatan adalah satu perkara yang sangat anih. Lebih-lebih Kerajaan yang bersifat jiwa rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh meminda undang-undang ini sebagai ahli Kerajaan hanya saya mengesyorkan pandangan saya supaya perkataan "tidak lebih 72 bulan" itu ditiadakan. Jadi berbunyi begini:

"1/48 × gaji × 12 × tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukira 72 bulan atau tidak lebih daripada atau mana-mana yang lebih."

Kalau itu banyak, Tuan Yang di-Pertua, atau tidak lebih daripada 120 bulan bermakna 10 tahun—2 penggal.

Saya sedar, kemurahan hati Kerajaan sekarang mengadakan pinjaman perumahan kepada Ahli Parlimen sebanyak $60,000 tetapi dia mesti menjelaskan dalam tempoh dia berkhidmat. Jikalau 6 tahun di mana dia boleh membayar balik, kembali semula sewa rumah atau pinjaman yang mesti dikenakan tidak kurang daripada $1,000 sebulan walaupun faedahnya 4%. Jikalau tidak, ganjaran ini mesti dipotong, berbakilah rumahnya ini dan rumah ini tetaplah disewa kepada penyewa yang lain, kerana dia tidak ada kemampuan boleh mengambil balik rumahnya ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kita mengkaji masalah ini, kita mesti kaji rata-rata nasib yang ramai, dan tidak ramai Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara yang lumayan kedudukannya. Tidak ramai Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat yang menjadi jumlah jutawan, sebab kehidupan dan perkhidmatan mereka ditumpu kepada negara, tetapi kadangkala disebabkan oleh nasib jimat cermat, itu adalah di luar dugaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nafikan Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat orang-orang yang mempunyai kewangan yang banyak, tetapi ini adalah di luar daripada apa yang saya perkatakan. Jadi saya mohon perkara ini supaya Kerajaan mengkaji semula sekurangnya masalah 120 bulan bermakna 10 tahun—2 penggal. 20 bulan bolehlah dia mencapai gratuitynya kalau dia mendapat $60,000 dan bolehlah dia membayar pinjaman perumahan yang ditetapkan oleh Kerajaan sebanyak $60,000 itu. Dan jikalau sekiranya Kerajaan bermurah hati mengikut sebanyak-banyak perkhidmatannya, itu lebihlah daripada apa yang saya mohon. Jikalau sekiranya dikira pencen 12 tahun Kerajaan boleh naikkan kepada angka 144 bulan bermakna seorang Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat boleh, jikalau pada tahap itu mendapat gratuity $72,000. Dan jikalau ada sebarang pinjaman boleh diselesaikan dengan tidak susah payah dan kadangkala nasibnya kurang baik pula, Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang setengahnya meninggal dunia lebih dahulu daripada perkhidmatannya yang ada. Jikalau ini saha'a jumlah wang yang tinggal yang patut disara seperti gratuity $35,000 di mana boleh mencukupi atau mengatasi masalah ini. Dan saya mohon kepada Kerajaan melalui Yang Berhormat Mulia Tengku menimbangkan masalah ini dan jikalau ini tidak dapat dibuat pada waktu ini ianya harap dibawa semula ke dalam Dewan untuk dibuat pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap berkenaan dengan Rang Undang-undang ini juga, saya sukacita mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana memperuntukkan pinjaman

$20,000 dengan lain-lain peruuntukan kepada Ahli Dewan. Tetapi saya mohon, Tuan Yang di-Pertua, kerana memikirkan apa salahnya Kerajaan menimbangkan beri pinjaman dan juga dibebaskan daripada government tax, barulah bersesuaian pinjaman itu dengan harga motokar yang dibeli. Jikalau sekiranya masih dikenakan dengan government tax, tentulah $20,000 ini tidak mencukupi, sedangkan kakitangan Kerajaan yang berjawatan Superscale G mempunyai kereta yang diuntukkan oleh Kerajaan. Saya tidak menuntut bahawa iri hati atau rasa iri hati kepada kakitangan Kerajaan. Saya menyokong tetapi tentang beri pinjaman kepada Ahli Dewan sebanyak $20,000 apa salahnya jikalau government beri free government tax, sekali dalam satu penggal, supaya keadilan itu bersamaan dengan kakitangan Kerajaan yang berjawatan Superscale C, B dan A.

Tuan Yang di-Pertua, bila bercakap masalah dalam Bil ini, saya akan menyambung dua tiga perkara lagi, saya minta izin. Pertama, saya hendak bercakap, Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Dewan yang membuat undang-undang sepatutnya ada privilege tetapi Ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat tidak ada privilegenya, bila di tempat pemeriksaan Kastam menunggulah kita. Kita tidak minta behawa kita dibebaskan daripada cukai. Kita hanya minta kita ini mempunyai privilege, kita masuk ke lapangan VIP oleh kerana kita sebagai orang yang diiktiraf oleh negara, sebagai pembuat undang-undang. Saya tidak mohon Kastam mesti meluluskan cukai saya, tidak—cukailah tetapi saya mohon privilege. Kadang-kadang sampai dua jam tidak dikesahkan, Tuan Yang di-Pertua.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, Dewan kita cuma membekalkan kad kuning sahaja. Ini kad kuning untuk naik keretapi. Malu kita dengar Dewan Undangan Negeri dengan ada sain Tuan Yang di-Pertua Dewannya tetapi ini tidak ada apa-apa. Dituliskan, Yang Berhormat berhak mengembara dengan:

(*a*) Keretapi Tanah Melayu;

(*b*) Keretapi Negeri Sabah Kelas Satu termasuk tempat tidur tertakluk kepada peruntukan:

(i) Railway Ordinance 1948;

(ii) Railway Ordinance Sabah (Bab 116).

Orang Sabah sendiri pun tidak mahu naik keretapi di sana sebab ada 60 batu sahaja panjangnya. Inilah nasib Ahli Dewan Negara Tuan Yang di-Pertua, sedangkan tiket keretapi bagi tempah tempat tidur daripada Kuala Lumpur ke mana-mana, saya menuntut kepada Kerajaan sebagai Ahli Dewan Negara, Tuan Yang di-Pertua, diberikan satu kad privilege sebagai Ahli Dewan Negara dengan gambar, dengan tandatangan Tuan Yang di-Pertua mengakui. Saya hendak membawa satu contoh, Tuan Yang di-Pertua. Seorang Speaker Dewan Undangan Negeri pergi ke England menghadiri Persidangan Commonwealth, Kerajaan Negerinya beri $500 untuk tambang, tidak cukup duit dia naik kapalterbang chartered. Bila sampai di Heathrow Airport pegawai-pegawai Commonwealth di London menanti seorang Speaker tidak tiba-tiba, rupa-rupanya dia ikut jalan lain, Tuan Yang di-Pertua, sebab dia naik charterd plane, bukan ordinary plane itu kesah Speaker Dewan Undangan Negeri sepatutnya Speaker didahulukan.

Lagi satu cerita, Tuan Yang di-Pertua, Persidangan Parliament Commonwealth juga di London, ada seorang sahabat kita, dahulu ada di Dewan ini, sekarang dia sudah tidak ada, duduk di hadapan saya iaitu Datuk Crawford Senator. Rupanya kerana dia orang Puteh, mereka menyangka dia Senator daripada Amerika, dia diberi first class treatment, semua suit, bila akhir-akhir diketahui dia ini Senator daripada Malaysia, ditukar balik serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, paspot antarabangsa kita. Senator di Australia pakai offical; kita tidak hendak "Diplomatic", payah; tidak usahlah, itu biarlah diberi kepada Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri, tidak apalah. Berilah kepada Ahli Dewan Negara ini "Official" cukuplah. Ini ordinary card sahaja, tidak bolehkah diberikan? Sudahlah itu, Tuan Yang di-Pertua, dengan sebab tidak adanya itu, tidak dapat pula keistimewaan di lapanganterbang sebagai Ahli Dewan Negara atau Ahli Dewan Rakyat. Duduklah di bangku panjang, baik di Subang, baik di Pulau Pinang, baik di Johor Bahru; duduklah di luar itu di bangku panjang orang ramai tetapi kita ini motokar ada badge, privilege tidak ada; gaji $2,000 tidak peliklah, saya tidak sentuh sebab kalau ikut ini, Tuan Yang di-Pertua ialah orang yang ketiga besarnya, mengikut hormatnya (order of precedence).

Pertama, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong; yang kedua Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Permaisuri Agong; yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, tetapi gaji Tuan Yang di-Pertua cuma $5,000 sama dengan gaji Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tidak bawa soal gaji sekarang, Tuan Yang di-Pertua, semakin bawa semakin tidak betul dan semakin lambat naiknya. Tetapi ini sahajalah, kalau Tun sebagai President Dewan Negara orang yang ketiga privilegenya (order of precedence) tetapi sama dengan gaji Timbalan Menteri ....

Tuan Yang di-Pertua: Tidak benar. Bukan yang ketiga.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussain: Saya tarik balik, Tuan Yang di-Pertua. Katalah $4,000 atau $5,000 tidak apalah, kalau tidak benar tak apalah, saya minta maaf dan saya tarik balik. Tetapi atas kedudukan daripada Timbalan Menteri tidak begitu. Itu sebab saya tidak hendak menyebut masalah gaji, saya syukur tetapi saya hendak privilege.

Tuan Yang di-Pertua, sudahlah paspotnya paspot biasa, privilege di lapangan terbang tidak ada, hendak beli tiket pun tidak dapat, Tuan Yang di-Pertua, tak usah sebutlah Ahli Dewan Negara. Walaupun besok pagi hendak pergi menghadiri persidangan di Kuala Lumpur; orang Johor hendak menghadiri persidangan di Kuala Lumpur, orang Sabah hendak menghadiri persidangan Dewan Negara di Kuala Lumpur, orang Sarawak balik; tidak dapat tiket, mesti tempah dua minggu dahulu sedangkan kita Ahli Dewan Negara. Pihak MAS buat kita begini, duit peruntukan MAS ini kita luluskan, kita hendak beli tiket pun tidak boleh didahulukan.

Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang saya cakapkan ini, saya mohonlah Kerajaan menimbangkan, privilege di tempat Kastam. Bukan semua orang hendak pergi ke Johor sebanyak-banyaknya cuma seorang dua sahaja yang hendak pergi ke Johor. Saya tidak pernah pergi, saya ikut kapalterbang, saya ikut keretapi tetapi hak patut diberi.

Di lapangan terbang, Tuan Yang di-Pertua, patut boleh beli tiket dan saya merayu kepada Kerajaan supaya paspot hendaklah bertaraf pegawai dan kad pengenalan ini, patutlah kita simpan dan kita gantikan dengan yang baharu dan ada satu lagi kad khusus sebagai Ahli Dewan yang kita boleh tunjuk berupa lebih cantik. Kalau perlu ditanda angani oleh Yang di-Pertuan Agong umpamanya ataupun Perdana Menteri supaya lebih bererti dan kad ini biarlah jadi kad bila hendak naik keretaapi sahaja. Saya terpaksa menegur perkara ini kerana dalam Bil ini ada disebutkan.

Akhirnya tidak lengkap jika saya tidak bercakap masalah perkhidmatan Parlimen. Saya merayu kepada Kerajaan supaya Akta Perkhidmatan Parlimen ini dikaji semula. Walaupun ada Jawatankuasa Penasihat berhubung dengan perkara ini akan tetapi memandangkan banyak perkara yang tidak begitu baik dan begitu elok telah berlaku, umpamanya Hansard tidak ada, Ahli-ahli kita elaun tidak dapat, dia closed service, ada kalanya datang pelawat daripada luar negeri atau Ahli-ahli Persatuan Parlimen Commonwealth melawat Parlimen kita, disuruhnya orang ini pergi, kadang-kadang bukan PRO betul-betul, kerani-kerani sahaja, ini pun menyebabkan imej kita jatuh. Kita harus mengadakan satu jawatan sebagai pegawai Perhubungan Parlimen supaya orang ini boleh membawa pelawat-pelawat dari luar negeri. Ini tidak, kadang-kadang sesiapa sahaja yang ada kelapangan disuruh.

Pada keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua, Akta Perkhidmatan Parlimen ini perlu diperkajikan semula dan saya sendiri menghormati kerja Jawatankkuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen itu tetapi saya fikir tidak cukup dalam masalah ini kerana banyak perkara yang terlibat dengan ini. Yang kedua biasanya susah hendak menimbangkan jika kita mempunyai tanggungjawab secara khusus kepada mereka ini. Jadi saya minta Kerajaan melantik Jawatankuasa yang ada hari ini mengkaji Akta Perkhidmatan Parlimen. Pegawai Perhubungan tidak ada dalam Parlimen kita ini. Mengapa *Hansard* tidak boleh keluar ialah kerana pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan kita tidak mendapat faedah perkhidmatan, dengan kerja yang terhad mereka tidak boleh berpindah. Jadi sudah tiba masanya Kerajaan patut mengkaji macam Kementerian Buruh apabila Undang-undang Kesatuan Sekerja dizahirkan yang baru Jabatan Buruh sendiri, terutama pejabat pendaftarannya dikaji semula dimasukkan pegawai-pegawai tingkatan professional. Di sini saya mintalah kepada Kerajaan di samping saya membahaskan Akta Ahli-ahli Parlimen (Saraan) ini supaya Kerajaan mengkaji semula Akta

Perkhidmatan Parlimen tahun 1965 itu dikaji kerana banyak kelemahan-kelemahan yang terdapat daripada Akta ini sendiri, terutama kepada pekerja-pekerjanya.

Sebagaimana saya katakan tadi saya menyanjung tinggi khidmat Jawatankuasa Penasihat Perkhidmatan Parlimen itu akan tetapi sulitnya ada. Biasanya selalu ayah sendiri payah mengadili anaknya, yang baiknya ayah lain boleh mengadili kerana anak itu. Kita tidak mahu kakitangan Parlimen mogok, ini memalukan kita tetapi kalau sudah lama ditekan dan keadaan tidak berubah, kejadian ini akan boleh berlaku. Yang kedua, kita tidak hendak kakitangan Parlimen ini bermasam muka atau bermusuh dengan pegawai-pegawai tinggi dalam Parlimen ini. Kita hendaklah kekalkan keharmonian ini akan tetapi kalau keadaan ini tidak dibaiki kemungkinan satu masa masalah ini boleh berlaku.

Saya merayu kepada Kerajaan di samping saya mengakhiri ucapan saya dalam Bil ini supaya Kerajaan menimbang semula dalam perkara-perkara yang saya katakan tadi dalam Akta Perkhidmatan Parlimen. Banyak kecicirán, kelemahan yang ada sekarang ini sehingga tahun depan pun *Hansard* yang kita bercakap pada hari ini kita tidak boleh baca. Di mana kita boleh merujuk rekod ucapan kita, hanya kita berlari masuk dalam bilik sana, itupun kalau ada izin sebab di sana bilik yang diprebetkan. Jadi biarlah kita berterus terang di samping kita membuka tembelang kita, biar dia terbuka bersama-sama supaya kita boleh baiki dan ini bukan tembelang, tetapi perkara sudah nyata. Kelemahan kita ada dan kita mesti mengakui kelemahan kita dengan syarat kita membaiki semula. Saya fikir Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tidak akan membiarkan perkara ini kalau sekiranya Parlimen kita berkehendakkan tambahan kewangan dalam masa yang kehadapan kalau sekiranya ada dikehendaki dengan pembaharuan dalam Akta Perkhidmatan Parlimen ini nanti.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan penuh rendah hati merayu kepada Kerajaan supaya apa yang saya bentangkan satu titik perkara ini dapat dipertimbangkan dengan baiknya, walau macam manapun saya sokong Bil ini.

4.03 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di dalam membahaskan Bil ini jangkanya memang panjang hendak saya cakapkan, tetapi oleh kerana sesuatu keadaan yang baru saya terima telegram yang saya mesti berkejar ke airport, jadi untuk menjimatkan masa saya cuba juga membincangkan Bil ini secara ringkas.

Di dalam ulasan, fikiran, pandangan, sokongan, bantahan, harapan telah banyak dikemukakan, pendek kata bolehlah dikatakan bulan gaji atau bulan kenaikan imbohan Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara, pihak Kerajaan dengan sikap Kerajaannya dan Pembangkang dengan sikap bangkangannya dan sekarang Dewan kita pula turut dengan perkembangan itu. Ulasan dikemukakan seolah-olah Ahli Dewan Negara ini kurang hormatnya dan kurang nilainya dan kurang usahanya dan kurang aktivitinya, maka itulah dibuat barangkali kurang dari Ahli Dewan Rakyat pendapatannya.

Tuan Yang di-Pertua, tahun 80an ini dan bulan ini adalah bulan dan tahun bertuah bagi segolongan rakyat Malaysia yang bekerja dengan Kerajaan kerana tanggagaji kakitangan Kerajaan telah dinaikkan, kalau tidakpun dikatakan mewah tetapi memang mewah dan hari ini pula Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara juga turut sama dengan kenaikan itu memang telah mewahlah segolongan rakyat Malaysia. Tetapi seolah-olah Kerajaan telah memencilkan dan Kerajaan telah tidak memandang bahawa segolongan ramai rakyat Malaysia telah terpisah dengan kemewahan yang didapati oleh segolongan rakyat luar bandar, petani-petani, nelayan dan pengusaha luar bandar masih tetap di takok lama bahkan bertambah sulit lagi kalaupun kita banggakan bahawa rakyat kita belum ada yang mati kelaparan.

Tuan Yang di-Pertua, segolongan rakyat dengan senang hati boleh membeli apa juga barang-barang yang dikehendaki, sama ada berupa barang hiasan, keseronokan dan makanan yang lazat, tetapi ada segolongan besar rakyat hanya mendengar dan memandang sahaja akan kesedapan dan keindahan dan kegungan nikmat-nikmat dunia ini, maka ini hendaklah jangan dipisahkan. Kalau pegawai Kerajaan dan Ahli-ahli Parlimen dinaikkan gaji atau elaun, maka Kerajaan fikirkan rakyat luar bandar hendaklah ditingkatkan lagi hasil keluaran, ditingkatkan lagi harga-harga usaha mereka, ditingkatkan lagi pasaran dari hasil-hasil mereka, ditingkatkan lagi kemudahan jalan-jalan luar bandar, ditingkatkan lagi kemudahan nikmat dan kesihatan dan pelajaran agar jangan terlalu jauh bezanya antara

pegawai Kerajaan dan bukan pegawai Kerajaan, ditambah lagi dengan kenaikan harga barang-barang yang melambung sudah tentu lebih merenggangkan mereka dari pegawai Kerajaan kita.

Kalau hari ini suri rumahtangga di bandar-bandar selalu pandai merungut harga ikan, sayur, rempah dan cabai telah melambung tinggi, tetapi rakyat luar bandar bagaimana keadaannya, tidak siapa pernah mengambil perhatian rungutan mereka itu. Maka saya berharap kepada Kerajaan perseimbangan pendapatan seluruh rakyat negara ini hendaklah disesuaikan nikmat kemudahan bagi mereka dan dapat dirasai oleh rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada Saraan Ahli-ahli Parlimen ini saya tidaklah hendak bercakap banyak kerana perkara yang hendak saya suarakan banyak yang telah disuarakan dan lebih banyak Ahli-ahli Yang Berhormat, apa lagi yang disuarakan oleh Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak Hussin, saudara saya tadi itulah yang hendak saya tekankan daripada kehormatan itu. Maka dalam masalah ini tidak diulangkan lagi tetapi apa yang saya tekankan maruah Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah bersara ataupun yang akan bersara tidak lama lagi. Dalam soal ini patutlah pihak yang berkenaan dipertikaikan.

Setahu saya bekas Ahli-ahli Yang Berhormat walaupun ia tidak menjadi Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara maka mereka masih juga menjadi pemimpin negara, pemimpin rakyat di tempat mereka masing-masing. Maka maruah inilah saya suarakan yang kita nampak terjejas kerana tidak ada kemudahan dan menyusahkan bagi mereka. Maka eloklah difikirkan juga tentang penggunaan telefon kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ini yang sudah bersara dan road tax motokar eloklah difikirkan kemudahan-kemudahan itu dengan ditetapkan kadar yang patut bagi bekas Ahli-ahli Yang Berhormat itu menggunakannya. Tidaklah seperti sekarang apabila habis sahaja tempoh khidmat mereka, mereka terpaksa menukar kenderaan mereka dengan seberapa segera dengan alasan-alasan yang sesuai bagi mereka tetapi maruah mereka sungguh terjejas dengan sikap yang mereka ambil walaupun keadaan kewangan mereka terdesak. Maka saya berharap Kerajaan dapat membuat bantuan terhadap perkara ini juga di hari-hari kebesaran dan di Hari Kebangsaan, bekas-bekas Ahli-ahli Yang Berhormat ini janganlah dilupakan langsung, biarlah mereka sama-sama juga menikmati hasil usaha mereka yang lalu yang mana sesungguhnya tidak kurang sedikit banyaknya pengorbanan mereka bagi menikmati keriaan dan keriangan negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali dalam kenaikan ini tentulah boleh diterima dengan segala senang hati, dengan kemurahan hati Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita, maka dengan ini bagi pihak kawan-kawan, cuma yang kesulitan rakyat luar bandar hendaklah selalu diambil perhatian betul-betul dan bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menaikkan kemewahan dan kesenangan ini patut lebih tegas lagi memberikan pengorbanan yang tidak sedikit gigihnya, mestilah dengan kesungguhan tenaga yang tidak lagi mencari peluang-peluang yang luar kerana dengan kenaikan imbuhan ini maka Ahli-ahli Yang Berhormat mesti memikirkan apa keperluan rakyat yang mereka menjadi wakil di kawasan-kawasan itu. Jangan jadi sebagai kita membimbangkan imbuhan yang banyak yang kita terima lagak kita lebih daripada yang sewajarnya, maka ini adalah menjadi perkara yang tidak sewajarnya. Dalam hal ini, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan juga pegawai-pegawai Kerajaan maka tahun-tahun berikutan pula hendaklah bagi menjadi pula ingatan kepada pihak Kerajaan kalau sudah bagi Ahli-ahli Dewan Rakyat, Dewan Negara dan pegawai-pegawai Kerajaan merasai nikmat ini maka bagi tahun-tahun yang akan datang ini pihak Kerajaan hendaklah menjadikan pula tahu rakyat luar bandar mengingat dan memandang jauh terutamanya kepada penanam padi, nelayan dan pengusaha luar bandar supaya dapat mengecap nikmat kemewahan ini, maka kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat kita semua hendaklah mencari ikhtiar agar rakyat turut sama merasai kemewahan negara kita ini, janganlah dijadikan lambang bahawa rakyat Malaysia belum pernah ada yang mati kelaparan.

Walaupun demikian, maka sebelum saya akhiri ucapan ini kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan kita dan juga Menteri-menteri yang berkenaan yang lain yang bersabit dengan kenaikan imbuhan ini dapatlah memikirkan bersama nasib rakyat jelata di sekeliling kita ini.

4.13 ptg.

Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan hari ini iaitu mengenai undang-undang tersebut bagi Ahli-ahli Dewan Negara dan juga Dewan Rakyat.

Syukur Alhamdulillah Tuhan telah mengizinkan dan mengurniakan keputusan yang telah dibuat oleh Jemaah Kabinet untuk menimbangkan elaun Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Rayuan bagi menaikkan tambahan elaun tersebut di atas telah kerap kali disuarakan untuk mendapat tambahan daripada pihak yang berkenaan di dalam Pre-Council. Pada saat yang bahagia ini maka buah yang ditunggu-tunggu itu dengan izin Tuhan telahpun gugur mencucuri rahmatnya kepada pihak-pihak yang berkenaan bagi keseluruhannya.

Keputusan yang telah dibuat oleh Jumaah Menteri mengenai dengan kenaikan elaun itu amatlah kena dan tepat pada masa untuk membiayai dan membelanjakan serta menjalankan perkhidmatan sebagai seorang pegawai Kerajaan. Dengan kenaikan yang diberi itu maka dapatlah kita semua mengatasi sedikit sebanyak masalah-masalah hidup yang didatangi oleh inflasi.

Pendek kata perbelanjaan hidup seseorang pada masa ini telah naik melambung dan dengan tambahan kenaikan itu dapatlah kita sekalian Ahli-ahli Yang Berhormat dan pegawai-pegawai menambahkan lagi perkhidmatan cemerlang mereka bagi memperjuangkan kepentingan-kepentingan rakyat seluruhnya. Dengan demikian saya dengan penuh perasaan menyokong undang-undang tersebut diluluskan oleh Dewan yang bahagia ini.

Begitu juga pihak Kerajaan tidak lupa kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang telah bersara beberapa tahun yang lampau. Saya percaya mereka juga mengucap syukur dan terima kasih kepada Kerajaan.

Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang telah bersara akan juga menikmati tambahan kenaikan pencen itu. Dengan kenaikan tambahan elaun ini ahli-ahli itu tidak akan menjadi satu rebutan untuk menjadi Ahli-ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat di masa akan datang.

Saya percaya pegawai-pegawai Kerajaan, Polis dan Tentera serta agensi-agensi Kerajaan merasai sedikit sebanyak nikmat dengan tambahan kenaikan gaji mereka yang telah diberikan oleh Kerajaan itu. Maka dengan pemberian ini kita harap pegawai-pegawai Kerajaan akan sentiasa dedikasi untuk melaksanakan dasar-dasar Kerajaan dengan cemerlangnya. Dengan berbuat demikian adalah diharapkan kelambatan bagi menyelesaikan sesuatu perkara yang bersabit dengan Kerajaan dan orang ramai tidak akan timbul lagi.

4.17 ptg.

Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun menyokong Rang Undang-undang ini dengan syukur ke hadrat Allah Subhanahu wa taala yang telah melimpah kurnia kepada kita, kepada hambanya pada masa ini.

Yang kedua, saya mengucap ribuan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang telah menyedari menaikkan elaun-elaun Ahli-ahli Dewan Parlimen dan Dewan Negara khasnya saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh sebagai Menteri Kewangan kita pada masa sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak bercakap panjang kerana rakan-rakan saya telah bercakap banyak, hanya saya rasa kena pada tempat dan masanya kenaikan elaun-elaun keseluruhannya daripada Perdana Menteri hinggalah sampai Ahli Dewan Parlimen dan Dewan Negara juga kepada pegawai-pegawai Kerajaan.

Di sini saya sukalah memberi pandangan tentang kenaikan saraan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Rasa saya dapatlah pihak Kerajaan mengkaji lebih dalam lagi, kalau boleh biarlah kenaikan itu tinggi sedikit, iaitu sebanyak $12,000 kepada Perdana Menteri dan $10,000 kepada Timbalan Perdana Menteri kerana kita tahu tanggungjawab Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kita amatlah besar di dalam negara kita ini. Kita tahu gaji pengurus-pengurus swasta pun kadang-kadang ada meningkat sampai $15,000, $20,000 tetapi ini rasa saya patut kita beri saraan kepada Perdana Menteri itu sebagaimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita menaikkan gaji dan elaun-elaun kesemuanya, di sini saya berharap juga kepada pihak Kerajaan supaya mengkaji kembali tentang kedudukan petani-petani sepertimana yang disebutkan oleh rakan-rakan saya dan khasnya kepada penarik beca dan pekerja-pekerja buruh yang mana, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak negeri Kedah banyak lagi penarik beca yang mereka ini kais pagi makan pagi, kais petang makan petang untuk hendak membeli beras segantang sehari pun payah, saya dengar. Jadi inilah harapan saya kepada pihak Kerajaan supaya dapat mengkaji kembali cara mana kita hendak meninggikan taraf hidup mereka yang mana, pada masa sekarang di dalam bandar Kerajaan telah mengadakan bas bandaran. Jadi mereka itu sangatlah sulit untuk mendapatkan penumpang menaiki beca mereka itu. Jadi inilah harapan saya kepada pihak Kerajaan supaya dapat mengkaji kembali tentang kedudukan penarik beca sepertimana yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan yakin dengan kenaikan elaun-elaun Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Negara, saya percaya pada masa akan datang dapatlah Ahli Yang Berhormat itu menjalankan tugas mereka dengan betul dan bertanggungjawab kepada bangsa, ugama dan tanahair. Saya percaya dan yakin perkara yang tak patut kita sebut seperti rasuah itu dihapuskan di masa akan datang dengan kerana peruntukan yang telah diberikan kepada Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Ahli-ahli Dewan Negara seterusnya kepada pegawai Kerajaan.

Itulah sahaja pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, dan saya berharap akan dapat kejayaan yang cemerlang di masa akan datang.

4.24 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya lebih dahulu mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya turut sama dalam menyatakan pandangan terhadap Bil ini.

Pada pandangan saya Bil ini, Tuan Yang di-Pertua, dibuat dengan suatu cara yang boleh dianggap mengelirukan orangramai dan akan menjadi sebab bagi inflasi bertambah meningkat dari satu masa ke satu masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan demikian berdasarkan hasrat rakyat yang terbanyak, baik di kalangan pegawai Kerajaan, pekerja-pekerja swasta, petani, nelayan dan sebagainya, masing-masing menyatakan pandangan bahawa Bil yang kita bincangkan hari ini adalah keterlaluan dalam peratusan meningkatnya dalam masa yang singkat ini.

Tuan Yang di-Pertua, kadar kenaikan sekali gus yang akan dinikmati dan kesan kelulusan Bil ini nanti akan menyentuh perasaan semua peringkat rakyat dalam Malaysia ini. Sedangkan kenaikan gaji pegawai dan kakitangan Kerajaan yang telah diisytiharkan baru-baru ini pun telah menjadi suatu keadaan yang heboh di kalangan masyarakat. Dengan sebab itu, masyarakat perniagaan mengambil kesempatan dengan menaikkan harga barang-barang tanpa mengira apa yang dikehendaki ataupun yang dinasihatkan oleh Menteri-menteri yang berkenaan supaya pihak ahli-ahli perniagaan jangan tamak dalam menaikkan harga barang.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menyatakan pandangan saya dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab sebagai sebuah Kerajaan, nampaknya Kerajaan kita sekarang lebih bersimpati dan lebih bermurah hati bila memberi sesuatu kepada kita sendiri, manakala untuk memberi kepada orang lain daripada kita, terutamanya rakyat biasa, betapa susah hendak diluluskan. Contohnya, Tuan Yang di-Pertua, petani-petani kita mendesak supaya harga padi mereka dinaikkan $10.00 sahaja bagi setiap satu pikul, tak diberikan kelulusan atas alasan kononnya kalau kenaikan itu diberikan harga-harga beras akan meningkat dan menyebabkan inflasi bertambah tinggi. kalau tak mahu menaikkan harga padi mereka, mereka minta menaikkan subsidi yang diberikan kepada mereka sekarang ini. Itupun tak ditimbangkan. Tiba-tiba untuk gaji Jemaah Menteri dengan senang sahaja difikir-fikirkan, dirancang-rancangkan, buatlah rumusan mengadakan Bil ini untuk kepentingan kita sendiri. Kita kata: Apa salahnya Jemaah Menteri berapa orang sahaja. Kita juga kata: Apa salahnya Ahli-ahli Parlimen ini berapa orang sahaja. Jadi atas dasar bahawa bila tak ramai boleh kita naikkan, kalau ramai tak boleh kita naikkan, cara ini pada pandangan saya bukan satu cara demokratik; kalau cara demokratik yang ramai perlu diutamakan, bukan yang sedikit.

Satu lagi contoh, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kerajaan sentiasa mengutamakan yang sedikit itu kerana yang sedikit tak sangat

membebankan Kerajaan atau negara dari segi kewangan iaitu bila menimbangkan kenaikan gaji kakitangan dan pegawai Kerajaan baru-baru ini, nampaknya Pegawai-pegawai Tinggi lebih banyak mendapat faedah daripada pegawai-pegawai peringkat rendah. Sebagai contohnya selain daripada kadar kenaikan gaji mereka. Pegawai-pegawai Tinggi itu menikmati pula elaun-elaun rumah dan sebagainya sedangkan kakitangan pegawai rendah yang ramai bilangan mereka dan banyak pula menempuh kesulitan sewa rumah tidak diadakan.

Menyentuh pandangan Kerajaan tentang inflasi, Tuan Yang di-Pertua, sewaktu petani-petani menuntut harga padi mereka dinaikkan, Kerajaan tak luluskan atas alasan inflasi; inflasi akan bertambah tinggi kalau ditimbangkan kehendak petani-petani, kata pihak Kerajaan. Tetapi dalam tahun 1979 dan 1980 inflasi telah meningkat berkali-kali ganda walaupun harga padi tidak dinaikkan. Setiap kali Kerajaan menimbangkan kenaikan harga minyak petrol dalam tahun 1979 dan 1980an itu, harga barang keperluan selain daripada padi terus meningkat tanpa tunggu lagi. Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, semasa Kerajaan mengisytiharkan kenaikan gaji pegawai-pegawai tadi, ahli-ahli perniagaan mengambil kesempatan menaikkan harga barang berasaskan kepada kenaikan gaji Kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, soal menaikkan gaji seperti ini tidak akan menyelesaikan masalah inflasi, apabila ini tidak dapat diselesaikan kenapa masalah petani-petani, nelayan yang susah itu tidak diselesaikan dahulu, tiba-tiba soal kita sendiri gaji dan elaun Menteri-menteri dan Ahli-ahli Dewan kita utamakan sebelum soal kesulitan petani-petani itu kita utamakan, sebelum soal kesulitan petani-petani itu kita selesaikan, cara ini hanya akan menambah inflasi, saya ulangkan sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri-menteri pernah menasihat ahli ahli perniagaan supaya jangan tamak menaikkan harga barang-barang sewenang-wenang. Kalau kita mengkaji di mana ada ahli perniagaan yang tidak tamak, kalau dianalisa dalam falsafah ekonomi yang kita amalkan di negara kita sekarang ini. Semua ahli perniagaan mempunyai sifat dan cara yang sama kecuali ahli-ahli perniagaan yang berasaskan Islam sahaja yang tidak boleh tamak. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi soal inflasi sekarang ini saya pertamanya menyarankan supaya di masa akan datang kita hendakan kenaikan gaji yang melampau-lampau.

Kedua, kita mengharamkan pengedaran dan penggunaan barang-barang yang tidak perlu dan terlampau mewah seperti arak, judi dan sebagainya.

Ketiga, melipatgandakan pengeluaran hasil-negara dan mengurangkan penggunaan barang-barang luar negeri terutama oleh Kerajaan sendiri.

4.33 ptg.

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan pada hari ini izinkan saya menyentuh serba sedikit mengenai Rang Undang-undang ini.

Pertama, menyentuh mengenai Wakil Rakyat khas Ahli-ahli Parlimen, memanglah tugasnya amat berat terutama Wakil-wakil Rakyat yang mana kawasannya terpencil di pendalaman, mereka terpaksa membuat lawatan-lawatan ke kampung-kampung menemui rakyat dengan menaiki bot, sampan dan sebagainya, berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh Wakil-wakil Rakyat, barangkali perkara seumpama ini tidak ditemui oleh Wakil-wakil Rakyat yang mempunyai kawasan-kawasan di bandar-bandar. Selain daripada itu juga Wakil Rakyat mesti melayan dan menyelesaikan 1001 macam masalah-masalah yang dikemukakan oleh rakyat, kalau tidak datang ke pejabat pun di rumah. Rasa saya Wakil Rakyat memanglah banyak menerima berbagai-bagai macam dan cara yang telah didatangi oleh rakyat.

Dalam pengalaman saya sebagai Wakil Rakyat khususnya di Trengganu terdapat banyak kawasan pendalaman maka banyak masalah-masalah seumpama ini yang dihadapinya dan saya tidaklah mengetahui bagaimana di negeri-negeri yang lain sentiasa dihujani dengan berbagai-bagai derma terutama musim sukan dan berbagai-bagailah acara pesta dan sebagainya. Tetapi rasa saya sebagai Ahli Dewan Negara merasa sedih sedikit kerana ada setengah-setengah Menteri menggangapkan kami Senator ini senang kerana tidak mempunyai kawasan dan tidak adalah tugas-tugas yang penting yang kami jalankan, kami Ahli Dewan Negara hanya menunggu sidang Dewan sahaja, tetapi rasa saya segala perkara yang dialami

oleh Wakil Rakyat di kawasan Parlimen itu maka kami sebagai Ahli Dewan Negara juga sama terlibat memikul beban itu terutama sebagaimana Ahli-ahli Dewan Negara yang memegang beberapa jawatan-jawatan di negeri-negeri umpamanya Ketua Negeri dan jawatan-jawatan yang lain yang telah dilantik di negeri-negeri ataupun di daerah-daerah.

Saya rasa anggapan ini sangatlah sedih, kerana kami juga sama bertanggungjawab di antara Ahli-ahli Dewan Negara dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat. Bukanlah saya hendak elaun itu sama—tidak, tetapi dengan adanya kenaikan yang ada pada hari ini maka saya bersyukur bahawa elaun yang diberi pada hari ini memanglah kena pada tempatnya dan wajar bagi kita diberi kerana tugas dan tanggungjawab seorang Wakil Rakyat itu amatlah berat. Kalau kita bandingkan di negeri Trengganu contohnya, kalau masa Persidangan Dewan Negara di sini kami sentiasa menerima rombongan-rombongan bas yang meminta kami mengadakan jamuan-jamuan juga di sini. Rasa saya sepatutnya jamuan-jamuan itu tidaklah diminta kepada kami kerana yang kami terima hanya elaun $1,000 sahaja, tetapi oleh kerana dia menganggap kami ini adalah lebih besar daripada Ahli Dewan Rakyat kononnya walaupun tidak ada kawasan, kami boleh mempunyai kawasan yang lebih luas iaitu di negeri yang melantik ataupun federal yang melantik, jadi seluruh kawasan itu kami yang menguasai. Itulah sebabnya ia datang minta makan dan minum kepada kami ini bukan sahaja daripada daerah yang kami duduk bahkan keseluruhan.

Kami di dalam Dewan Negara pernah menerima surat untuk masuk ke sini, jadi itulah saya rasa sudah sepatutnya pihak pucuk pimpinan memandang berat kepada semua sekali Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Rakyat.

Dengan ini saya mengucapkan terima kasih dan tahniah di atas ingatan yang telah diberi oleh pucuk pimpinan kita kepada Ahli Dewan Rakyat dan juga Ahli Dewan Negara dan dengan ini saya sebagai Ahli Dewan Negara menyokong penuh di atas Rang Undang-undang yang telah dibentangkan pada hari ini. Sekian, terima kasih.

4.38 ptg.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini yang telah banyak menyumbangkan pandangan dan buah fikiran mengenai Rang Undang-undang yang ada di hadapan kita ini.

Saya tidak menjangka bahawa Ahli-ahli Dewan Negara akan mengambil masa hampir dua hari untuk membahas Rang Undang-undang ini kerana dalam Dewan Rakyat, walaupun ada ramai pihak Pembangkang cuma mengambil masa $2\frac{1}{2}$ jam sahaja sudah selesai Rang Undang-undang ini. Barangkali Ahli-ahli Dewan Negara mempunyai lebih minat kepada perkara-perkara yang diperuntukkan di dalam Rang Undang-undang ini. Ada juga di antara Ahli-ahli Dewan Negara mungkin tidak membaca ataupun tidak sempat membaca terutama sekali mengenai Jadual Pertama kepada Rang Undang-undang ini sehinggakan membangkitkan masalah-masalah yang mengelirukan Ahli-ahli Dewan Negara. Saya berharap Ahli-ahli Dewan Negara juga seperti Ahli-ahli Dewan yang lain mengamati kandungan-kandungan seperti mana terdapat di dalam Rang Undang-undang yang sebegitu penting sebelum mengeluarkan hujah-hujah untuk membahas Rang Undang-undang yang ada.

Saya bangkitkan hal ini oleh kerana salah seorang Ahli Yang Berhormat telahpun mengatakan bahawa tidak ada peruntukan bagi orang-orang yang telah lama berkhidmat, tetapi telah bersara dan apakah kemudahan-kemudahan yang patut diberi kepada mereka. Ada juga yang telah membangkitkan bahawa bekas Timbalan Menteri-Timbalan Menteri yang menjadi Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini dan juga pihak-pihak yang lain tidak mempunyai sedikit pun peruntukan di dalam Rang Undang-undang ini.

Saya suka rujuk kepada Jadual Pertama, perenggan 3 (1) di mana telahpun dihuraikan dengan panjang lebar dan ada pula berkaitan dengan itu beberapa peruntukan yang lain yang telahpun dirangkumi segala kemudahan-kemudahan yang akan diberi kepada semua pihak yang pernah bertugas sebagai Ahli Dewan Rakyat ataupun Ahli Dewan Negara sejak 31hb Ogos, 1957. Jadi, Tuan Yang di-pertua, sememangnyalah barangkali tidak ada masa hendak membaca, hendak meneliti maka telah timbullah salah faham tentang masalah-masalah yang timbul.

Dalam masa membincangkan Rang Undang-undang ini kita dengar sebentar tadi ada hero bagi pihak petani, hero untuk orang luar bandar yang miskin menderita, mati kebuluran. Ada orang yang cuba lecture mengenai ekonomi, bagaimana hendak mengatasi inflasi seolah-olah Kerajaan ini tidak pernah memberi pandangan di atas masalah-masalah ini. Saya rasa baiklah kita berniat yang baik, bekerjasama dengan cara berhati ikhlas, jangan cuba main politik atas masalah-masalah ini kerana ini adalah satu Rang Undang-undang untuk menimbangkan apakah saraan yang patut diberi kepada Ahli-ahli Parlimen, Anggota-anggota Pentadbiran dan selainnya sebagaimana yang ternyata dalam Rang Undang-undang ini. Janganlah dikaitkan soal-soal lain. Kalaulah ia dibuat dengan bertujuan yang lain maka itu soal lain, tetapi kalau hendak dikaitkan dengan saraan Ahli-ahli Parlimen, saya rasa tidak ada tempat kerana ada forum yang lain yang boleh dibincangkan.

Ada juga yang telah menimbulkan masalah petani, pihak petani menuntut harga padi supaya dinaikkan dan soal subsidi yang patut ditambahkan. Sukalah saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan tidak menutup telinganya daripada mendengar rayuan-rayuan ini, sememangnya selalu berhubung dengan pihak petani-petani dan orang-orang yang menanggung kesusahan di dalam negara ini, bahkan setiap Rancangan Malaysia sama ada Kedua, Ketiga dan yang akan datang ini Keempat, kita akan memberi peruntukan yang banyak kepada petani-petani. Misalnya di dalam Rancangan Malaysia Ketiga daripada jumlah $32,000 juta peruntukan bagi pembangunan sahaja, $7,600 juta diperuntukkan di bidang pertanian, bidang pembangunan luar bandar termasuk petani dan nelayan dan ini tidak termasuk Belanja Mengurus yang meningkat setiap tahun membelanjai subsidi mengadakan bekalan-bekalan kemudahan yang sentiasa diperuntukkan oleh Kerajaan dan Kerajaan tidak memekakkan telinganya daripada pekikan dan tangisan petani-petani. Itulah sebab Kerajaan ini sejak tahun 1955 terus menerus dapat sokongan daripada rakyat, bukan rakyat bandar tetapi rakyat luar bandar yang mengetahui bahawa Kerajaan ini benar-benar bersimpati dengan keadaan hidup rakyat yang miskin dan daif yang ada di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa mengulas hal-hal ini kerana takut dikelirukan oleh cakap-cakapan yang tidak ada kena mengena dengan masalah yang ada di hadapan kita ini. Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara ini saya rasa patutlah dibereskan begitu sahaja, saya menyentuh kepada satu perkara yang mendakwa bahawa Rang Undang-undang ini mengikut pandangan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan akan mencetuskan inflasi, akan menyebabkan inflasi. Macam mana hendak menyebabkan inflasi, jumlahnya tidak banyak hendak menjadi tekanan ke atas harga dalam negara kerana jumlahnya tidak banyak, maka sudah tentu tidak mencetuskan inflasi. Yang menyebabkan inflasi ialah oleh kerana faktor-faktor yang banyak. Saya tidak mahu lecture mengenai ekonomi kerana saya ini tidak pandai. Tadi saya telah dengar lecture ekonomi dan inflasi, jadi tidak perlu saya mengulangi perkara itu oleh kerana tidak ada sebab saya berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah Ahli-ahli Yang Berhormat fikir terlampau banyak elaun ini ditambah daripada $1,000 kepada $2,000 bagi Ahli Dewan Negara mungkin Kerajaan akan menimbangkan cadangan daripada Wakil Rakyat Pasir Puteh yang telah mencadangkan kepada pihak Pembangkang di Dewan Rakyat, keluarkan option papers siapa hendak $1,000 terima $1,000; siapa hendak $2,000 terima $2,000. Jadi tidak payah diungkit-ungkit masalah ini kerana tahu sama tahu, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kalaulah hendak suruh pemberita-pemberita menulis karangan-karangan yang panjang memang boleh, hasil daripada percakapan kita di sini tetapi apa kata hati kita, itu yang penting Tuhan tahu, rakyat tahu apa niat kita tetapi Kerajaan berani mengemukakan Rang Undang-undang ini. Walau apapun rakyat berkata Kerajaan berpegang teguh kepada keputusan dan akan berhadapan dengan rakyat untuk menjelaskan sebab-sebab Kerajaan berani mengemukakan Rang Undang-undang ini kerana memandangkan kepada tanggungjawab Ahli-ahli Parlimen, bertambahnya kompleks dan sophisticated, soal-soal pentadbiran dalam negara pada masa ini; dengan bertambahnya pembangunan yang meningkat dari semasa ke semasa untuk menyelesaikan masalah masyarakat dalam negara ini terutama sekali golongan yang miskin, golongan yang tidak berada yang berkehendakkan pembelaan daripada Kerajaan. Ini yang ditujukan oleh Kerajaan tetapi bagaimana pula memimpin-pemimpin seperti Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat dapat menjalankan tugas dengan beban yang ditanggung sebegitu banyak dan bertambah kalau mereka tidak dapat menjalankan tugas itu dengan wajar sekiranya

mereka tidak berkeupayaan dan berkemampuan. Atas hasrat itulah Kerajaan telah mengulangkaji kedudukan Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya elaun untuk Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara mula-mula dikuatkuasakan pada 15hb Julai, 1959 di bawah Members of Parliament (Remuneration) Act, 1960 dan tidak pernah dipinda sehinggalah pada 30hb April, 1971 dan pindaan itu berkuatkuasa pada 30hb April, 1971 di mana elaun Ahli Dewan Negara telahpun dinaikkan daripada $500 kepada $1,000; Ahli Dewan Rakyat telah dinaikkan daripada $750 kepada $1,500. Ini yang dibuat oleh Kerajaan. Di samping itu gaji Menteri-menteri telah berkuatkuasa pada 31-8-1957 apabila negara kita merdeka 23 tahun yang lampau, dengan bayaran gaji sebanyak $3,000 setiap orang Menteri sehinggalah pada hari ini itulah gaji yang mereka dapat yang terpaksa dibayar cukai juga. Tanggungjawabnya banyak, ada yang berkahwin lebih daripada satu barangkali—saya tidak terlibat (*Ketawa*) tetapi ini merupakan tanggungjawab lebih-lebih lagi keadaan sudah berubah dan sebagaimana saya sebutkan tadi masalah dalam negara sudahpun bertambah kompleks, lebih-lebih lagi rumit apabila pihak Pembangkang menyulitkan kita, menaburkan fitnah, menimbulkan tipuhelah dan sebagainya. Ini semuanya menjadi perhitungan kepada kita, bukan soal hendak suruh seseorang itu menjadi kaya-raya dengan bayaran seumpama ini—tidak, tetapi supaya ia berkeupayaan, berkemampuan menjalankan kewajipan mengikut kehendak sebagaimana ditentukan oleh undang-undang, supaya tanggungjawab yang akan ditunaikan oleh pemimpin-pemimpin kita sama ada sebagai Anggota Pentadbiran ataupun Ahli Dewan Rakyat ataupun Ahli Dewan Negara akan dapat disempurnakan bagi menyelesaikan masalah rakyat. Itu satu tujuannya dan oleh kerana pihak Bapa Kemerdekaan kita dan penganjur-penganjur di tanahair telahpun memikirkan semasak-masaknya apabila membentangkan Members of Parliament (Remuneration) Act, 1960 membezakan elaun untuk Ahli Dewan Negara sekian banyak iaitu $500 dan elaun Ahli Dewan Rakyat $750 maka itu telah digunakan sebagai asas oleh Kerajaan yang bertanggungjawab pada masa ini bagi merangkakan Rang Undang-undang yang ada. Sudah tentu penganjur-penganjur dan pemimpin-pemimpin telah menimbang serta menilai tentang tanggungjawab dan tugas Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang menyebabkan perbezaan telahpun dibuat pada awal-awal semasa negara kita mencapai kemerdekaan, semasa Perlembagaan Malaysia yang kita sanjung itu telah dikemukan kepada rakyat. Maka perbezaan itu berkekalan apabila dipinda dalam tahun 1971, perbezaan itu telah berbeza juga $500 ke $1,000 bagi Dewan Negara, $750 ke $1,500 bagi Dewan Rakyat. Atas dasar itulah juga maka perbezaan ini dikekalkan. Ini tidak bererti Kerajaan mengecil-ngecilkan tanggungjawab ataupun kedudukan Ahli-ahli Dewan Negara. Ini orang negara, di sana orang rakyat, sudah tentu kita memberi penghormatan yang lebih kepada Ahli-ahli Dewan Negara, sebagai orang yang berpengalaman, orang yang mempunyai pengetahuan yang lebih, orang yang sudah tentu akan dapat mengeluarkan pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan yang lebih luas dan berbudi kepada negara, kerana mereka akan menyemak undang-undang yang telah diluluskan di peringkat Dewan Rakyat apabila dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Tetapi saya fikir tidak kena kalau kita hendak kait taraf kedudukan kita dengan gaji ataupun pendapatan.

Misalnya Perdana Menteri pada masa ini mendapat gaji $5,000 sebagai Perdana Menteri sebagaimana yang ditetapkan di bawah undang-undang ini, itu tidak bererti taraf Perdana Menteri, orang yang penting sebagai Ketua Kerajaan dalam Negara ini rendah daripada seorang taukeh yang mendapat $50,000 sebulan. Tidak. Itu letaknya kepada kekesanan khidmat dan tugas serta peranan yang dijalankan terhadap masyarakat. Pandangan orang ramai terhadap apa yang dilakukan, itu menjadi ukuran. Taraf dan kedudukan kita itu tidak bergantung kepada besar kecil poket kita. Tetapi bergantung kepada hati, kepada jasa, kepada cara kita bertindak untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, atas ukuran itulah saya percaya Ahli-ahli Dewan Negara menerima apa yang telahpun diputuskan oleh Kerajaan sebagaimana yang dikemukakan dalam Rang Undang-undang ini. Saya fikir apa yang disuarakan oleh Ahli-ahli Dewan Negara itu memanglah sebagai anak-anak manja hendak bergurau membangkitkan fasal apa ada perbezaan. Memanglah sudah tentu adanya perbezaan kerana tidak dua manusia serupa kalau kembar sekalipun tak serupa.

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi perkara yang telah disentuh mengenai elaun-elaun yang patut dibayar dan perkara-perkara ini seperti kemudahan-kemudahan yang patut diberi kepada Ahli-ahli Dewan Negara, privilege ataupun keistimewaan dalam pemeriksaan Kastam di Johor Bahru, kalau ada tempat dan ruang lagi barangkali boleh disediakan, tempat di lapangan terbang, menggantikan kad pengenalan, passport official dan sebagainya. Ini saya ambil ingatan untuk dirundingkan dengan Perdana Menteri dan lain-lain Menteri untuk dipertimbangkan. Tetapi walau bagaimanapun sebagaimana saya katakan tadi Rang Undang-undang ini adalah untuk menentukan saraan dan lain-lain kemudahan akan ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong apabila Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Dewan Negara ini.

Satu lagi perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat pada petang semalam ialah mengenai gratuiti dan pencen. Telah dibangkitkan mengapa dikatakan elaun dalam Rang Undang-undang ini sedangkan dalam Perlembagaan Perkara 160 (2) ia menetapkan gaji. Sebenarnya tafsiran kepada "gaji" itu bererti "elaun" dan sebarang bayaran. Maka itu bergantung kepada cara dan perkataan yang hendak digunakan bagi satu-satu Rang Undang-undang ini dari dahulu lagi telah menggunakan perkataan "elaun" yang tidak dikenakan income tax maka itulah perkataan yang digunakan untuk Rang Undang-undang ini. Saya fikir perkara ini tidaklah besar, oleh kerana apa yang penting ialah jumlah yang patut hendak ditetapkan oleh Dewan yang mulia ini.

Di samping itu telah juga ditimbulkan tadi untuk pengetahuan sama ada elok tidak dihadkan tempoh perkhidmatan dalam masa mengira pencen dan gratuiti kepada masa sebagai mana yang ditetapkan di bawah Jadual Pertama Rang Undang-undang ini. Misalnya bagi pencen dihadkan maksima sebanyak ½ daripada gaji bagi perkhidmatan tidak melebihi 6 tahun. Samalah juga untuk gratuiti telahpun ditetapkan untuk tidak melebihi 72 bulan. Ada dikatakan ini tidak bijak dan sudah tentulah tidak adil, kerana orang-orang yang telah berkhidmat lebih daripada 6 tahun akan menanggung kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menjelaskan sedikit di sini bahawa Akta yang berjalan pada masa ini kelayakan untuk seseorang Ahli Dewan sama ada Dewan Rakyat atau Dewan Negara ialah selama 9 tahun sebelum layak mendapat pencen, itupun kalau dia berumur lebih daripada 45 tahun. Tetapi di bawah cadangan yang dibawa oleh Kerajaan ini faktor pencen dan faktor ganjaran ini sudahpun diubah memberi kebaikan kepada orang yang akan menerima, misalnya faktor pencen telahpun diubah daripada 1.540 kepada 1.144 sementara faktor ganjaran telahpun diubah daripada 1/96 kepada 1/48. Sebagai contoh, saya ada semua rajah-rajah di hadapan saya. Untuk seseorang Ahli Dewan Negara yang berkhidmat 20 tahun, pencennya berdasar kepada elaun baru ini akan berjumlah $444.44 sen sebulan tetapi di bawah faktor baru ini walaupun tidak melebihi 72 bulan maka elaun yang akan diterimanya ialah $1,000 sebulan. Kalau ada option paper boleh pilih juga mana satu yang disukainya. Samalah juga kalau dibawa kepada soal ganjaran, kalau berkhidmat 20 tahun sebagai Ahli Dewan Negara maka seseorang Ahli Dewan Negara itu kalau dia panjang umur, hanya akan mendapat $30,000 tetapi bagi seseorang Ahli Dewan Negara yang berkhidmat tidak melebihi 6 tahun akan mendapat $36,000.

Jadi kita telah mengambil kira semua perkara-perkara ini dan bagi mereka yang telahpun berkhidmat lama sebelum daripada ini maka ada peruntukan di dalam undang-undang ini yang membolehkan Yang di-Pertuan Agong membuat peraturan-peraturan tertentu bagi perkara-perkara yang mungkin tertinggal daripada sebarang peraturan yang telahpun ditetapkan dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pendek kata sudah pun dikaji sedemikian rupa dan dicantum semua Rang Undang-undang ataupun Akta yang berjalan pada masa ini untuk dijadikan satu supaya senang untuk dirojok, senang untuk dibaca, senang untuk ditimbang atas masalah-masalah yang mungkin berbangkit.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, barangkali tidak ada banyak lagi yang hendak saya sentuh disebabkan sudah pun jelas ulasan-ulasan saya terhadap apa yang didikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membahaskan Rang Undang-undang ini. Tinggal lagi satu perkara telah dicadangkan supaya diadakan satu peraturan perkhidmatan Wakil-wakil Rakyat supaya dapat mengawal mereka ini jangan berlagak sombong, jangan menyalah gunakan kedudukan dan terus berkhidmat untuk rakyat. Saya rasa tidak perlu untuk mengadakan peraturan

untuk Ahli-ahli Dewan Negara, Dewan Rakyat, kerana orang ini adalah pemimpin, orang yang mempunyai tanggungjawab, perasaan hendak bertugas kepada rakyat melebihi daripada peraturan, melainkan satu dua barangkali yang agak cuai kadang kala. Tidak perlu diadakan peraturan, kalau hendak adakan peraturan, siapa pula yang hendak menjaga Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Kerana mereka ini pemimpin. Pemimpin ada peraturan untuk pemimpin, macam mana? Siapa hendak jaga. Memang parti-parti masing-masing memberi nasihat dan panduan tentang cara-cara Ahli-ahli Dewan Negara, Dewan Rakyat dan lain-lain menjalankan tugas dan kewajipan masing-masing. Tetapi saya fikir tidak perlulah dimasukkan dalam Rang Undang-undang ini tentang cara-cara hendak mengawal bagaimana Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat hendak menjalankan tugas kerana mereka tahu apakah perkara yang patut dilakukan sebagai Ahli Dewan Negara ataupun Ahli Dewan Rakyat. Kerana kita memang mempercayai, tentang perasaan tanggungjawab yang ada pada mereka itu, yang sudah tentu akan dapat menyempurnakan segala kehendak-kehendak rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu saya rasa terserahlah kepada diri masing-masing atas perasaan tanggungjawab masing-masing dan terserahlah kepada parti masing-masing untuk memandu bagaimana hendak kita jalankan tugas kita itu. Saya yakin dan percaya bahawa rakyat sendiri dengan public opinion atau mengawasi Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat tentang tugas-tugas, tidak perlu diadakan sebarang peraturan di dalam Rang Undang-undang ini.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah mengucapkan ribuan terima kasih atas pandangan-pandangan yang berguna yang telahpun dikemukakan oleh Ahli-ahli Dewan Negara pada masa membahaskan Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) 1980. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 14 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Kedua diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditempohkan sekarang selama 15 minit.

Persidangan ditempohkan pada pukul 5.05 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.22 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG PENYELARASAN PENCEN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.22 ptg.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencadangkan supaya Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen 1980 dibaca pada kali yang kedua.

Semasa mengumumkan tanggagaji baru dan syarat-syarat perkhidmatan bagi kakitangan-kakitangan dan pegawai-pegawai perkhidmatan awam, badan-badan berkanun dan kuasa-kuasa tempatan baru-baru ini Kerajaan juga telah mengumumkan—

(*a*) bahawa pencen yang dibayar kepada pesara-pesara dan orang-orang tanggungan kakitangan-kakitangan atau pesara-pesara yang telah meninggal dunia akan diselaraskan berdasarkan tanggagaji semasa, iaitu tanggagaji yang telah diumumkan itu;

(*b*) bahawa pencen terbitan kepada balu-balu kakitangan Kerajaan akan dibayar untuk seumur hidup; dan

(*c*) kakitangan yang telah berkhidmat tidak kurang daripada 25 tahun akan dibayar pencen tidak kurang daripada $180.00 sebulan.

Keputusan tersebut akan hanya melibatkan penerima-penerima pencen yang masih hidup pada 1hb Julai, 1980. Rang Undang-undang yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini adalah bertujuan melaksanakan keputusan-keputusan tersebut serentak dengan pelaksanaan gaji baru yang telah diumumkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sentiasa mengambil berat ke atas kebajikan kakitangan-kakitangannya serta keluarga mereka, bukan sahaja semasa mereka masih berkhidmat tetapi juga telah tamat perkhidmatan mereka, sama ada oleh kerana telah bersara ataupun meninggal dunia. Sebagai buktinya pada tiap-tiap kali diadakan penyemakan semula gaji, Kerajaan juga tidak lupa memberi perhatian ke atas faedah-faedah tamat perkhidmatan yang dibayar kepada pesara-pesara atau orang-orang tanggungan mereka.

Dengan penyemakan pencen yang disyorkan ini bermakna bahawa pencen yang dibayar kepada seseorang itu akan dikira semula berdasarkan gaji akhir yang sepatutnya diterima oleh seseorang kakitangan Kerajaan pada tarikh sebelum tamat perkhidmatannya dahulu seolah-olah beliau bersara di bawah tanggagaji baru yang akan dilaksanakan. Misalnya; seseorang polis berpangkat sarjan yang telah bersara pada tahun 1936 akan diberi faedah pencen yang dikira berdasarkan gaji sarjan yang akan berkuatkuasa mulai 1hb Julai, tahun ini.

Kerajaan juga telah memutuskan supaya seseorang pesara yang telah berkhidmat selama tidak kurang daripada 25 tahun hendaklah dibayar pencen sekurang-kurangnya sebanyak $180.00 sebulan. Ini adalah wajar memandangkan bahawa seseorang kakitangan yang berkhidmat dalam tanggagaji yang terendah (iaitu D 47) dalam perkhidmatan awam selama 25 tahun sepatutnya telah mencapai gaji maksima sebanyak $360.00 sebulan pada tarikh persaraannya dan oleh yang demikian melayakkan mendapat pencen sebanyak $180.00 sebulan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pencen terbitan pula Kerajaan berpendapat bahawa tempoh pembayaran yang dihadkan selama 12½ tahun adalah tidak memuaskan. Oleh yang demikian, Kerajaan telah memutuskan supaya pencen terbitan kepada balu-balu dibayar untuk seumur hidup tetapi kadar bayarannya bagi tempoh selepas 12½ tahun akan disusutkan kepada 70% daripada kadar pencen asal yang diterima. Walau bagaimanapun bagi anak-anak kakitangan Kerajaan yang meninggal dunia, pembayaran pencen terbitan adalah dihadkan sehingga anak-anak berkenaan mencapai umur 21 tahun kecuali:

(*a*) bagi anak-anak yang cacat otak atau anggota dan tidak upaya mencari nafkahnya sendiri, pencen terbitan akan dibayar seumur hidup; dan

(*b*) bagi anak-anak yang sedang melanjutkan pelajaran, pencen terbitan akan dibayar sehingga mereka menghabiskan pengajiannya tetapi tidak lebih daripada ijazah yang pertama.

Tuan Yang di-Pertua, penyelarasan pencen kepada pesara-pesara ini adalah tertakluk kepada beberapa syarat seperti yang dinyatakan dalam Rang Undang-undang yang saya telah bentangkan ini.

Penyelarasan pencen berdasarkan tanggagaji semasa itu adalah bergantung kepada maklumat-maklumat mengenai gaji, tanggagaji dan jawatan akhir pesara berkenaan serta tempoh perkhidmatan yang diambilkira untuk menetapkan faedah pencennya yang baru. Bagi Kakitangan-kakitangan Kerajaan yang telah bersara dalam tahun-tahun yang silam, ada kemungkinan yang Jabatan Perkhidmatan Awam dan jabatan-jabatan tempat pesara-pesara berkhidmat dahulu tidak mempunyai rekod yang lengkap mengenai butir-butir tersebut. Dengan ketiadaan maklumat-maklumat tersebut tidaklah ada asas bagi pihak berkuasa berkenaan menetapkan gaji semasa serta tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira untuk tujuan menyelaraskan pencennya. Bagi mengatasi kesulitan ini Kerajaan juga telah memutuskan supaya pada tarikh penyelarasan, pesara-pesara berkenaan diberi faedah sebanyak 50% daripada pencen yang paling tinggi di bawah tanggagaji semasa yang layak diterima oleh seseorang pegawai yang bersara dari jawatan yang sama grednya dengan gred jawatan yang disandang oleh pesara berkenaan, dengan syarat pencen barunya itu tidak kurang daripada pencen yang diterimanya sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Undang-undang Pencen yang ada sekarang ini tidak semua orang-orang tanggungan pesara-pesara

Kerajaan layak menerima pencen terbitan apabila pesara-pesara berkenaan meninggal dunia. Apabila kakitangan-kakitangan Kerajaan yang tertakluk di bawah tanggagaji pra-Suffian meninggal dunia orang-orang tanggungan iaitu balu-balu dan anak-anak kecil mereka tidak dibayar sebarang pencen terbitan. Dengan keputusan untuk memberi pencen terbitan seumur hidup kepada balu-balu yang sedia layak menerima pencen terbitan itu maka Kerajaan telah memutuskan adalah wajar supaya mulai daripada 1hb Julai, 1980 orang-orang tanggungan pesara-pesara pra-Suffian juga dibayar pencen terbitan atas syarat-syarat yang sama dikenakan kepada balu-balu yang lain. Keputusan ini adalah juga melibatkan isteri-isteri kakitangan Kerajaan yang telah menjadi balu sebelum 1hb Julai, 1980 dan yang masih hidup pada tarikh tersebut.

Di samping balu, Kerajaan juga telah memutuskan supaya pembayaran pencen terbitan dipanjangkan kepada duda apabila seseorang kakitangan perempuan meninggal dunia sama ada dalam perkhidmatannya ataupun selepas tarikh persaraannya dengan syarat perkahwinan pegawai perempuan itu masih berkhidmat. Untuk sama adil seperti juga dengan syarat yang dikenakan kepada balu, maka pembayaran pencen terbitan akan dihentikan jika duda berkenaan berkahwin semula. Keputusan ini adalah berdasarkan prinsip dari segi penghargaan Kerajaan ke atas khidmat yang telah diberikan oleh seseorang kakitangan itu tanpa membezakan antara laki-laki atau perempuan. Sebenarnya pengwujudan prinsip baru mengenai pencen terbitan ini akan diperuntukkan dalam Akta Pencen 1980 melalui pindaan yang akan dibentangkan dalam Persidangan Parlimen kali ini juga. Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen ini hanya memperuntukkan cara menyelaraskan pencen untuk duda-duda berkenaan apabila tiba masanya kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Perkhidmatan Awam telah memainkan peranan yang besar dalam pembangunan negara. Kita tidak dapat nafikan bahawa kemakmuran dan kesejahteraan hidup yang kita nikmati sekarang adalah sebahagian besarnya hasil kesungguhan dan dedikasi kakitangan Kerajaan dalam melaksanakan tugas masing-masing. Langkah untuk menyelaraskan pencen berdasarkan tanggagaji semasa ini bukan hanya merupakan penghargaan ke atas jasa-jasa mereka terhadap negara tetapi yang lebih pentingnya ialah bahawa jaminan hidup yang bertambah itu hendaklah merupakan peransang kepada semua kakitangan yang masih berkhidmat supaya mereka melipatgandakan usaha masing-masing sama ada di bidang pembangunan ataupun khidmat awam kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Datuk Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen, 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.34 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberikan sokongan yang penuh dalam Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen, 1980 yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan baru sebentar tadi. Dalam membentangkan Rang Undang-undang ini Yang Berhormat Mulia telah mengemukakan huiah-hujah yang menasabah dan tepat untuk kelulusan di Dewan ini. Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin supaya dapat turut sama memberikan pendapat dengan pengetahuan saya yang cetek dalam Rang Undang-undang ini yang saya akan sentuhkan dalam beberapa perkara.

Yang pertama sekali, saya hendak katakan bahawa bagi pihak pesara-pesara dalam negeri ini mengucapkan tahniah dan terima kasih kapada Kerajaan bahawa dengan adanya Rang Undang-undang ini dapat diselaraskan bukan sahaja pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Awam, termasuk juga pegawai tempatan dan badan-badan berkanun. Ini satu usaha yang sangat baik yang sangat dikehendaki oleh negara kerana selama ini bercelaru sangat dalam badan-badan tersebut bila tiba dalam masalah menerima persaraan.

Selain daripada itu, Kerajaan juga sangat bertimbang rasa kepada kakitangan Kerajaan yang terlibat dalam Rang Undang-undang ini bahawa nasib mereka juga dapat diberikan perhatian oleh Kerajaan sebab mereka tidak ada tempat lain yang mereka akan berteduh, tidak ada tempat lain yang mereka

akan bergantung sebab setelah mereka bersara yang mereka tunggu ialah ajal mereka. Anak-anak mereka akan bersungut, berkeringitan dalam kesusahan hidup.

Satu perkara yang patut dan mungkin juga Kerajaan nampak dalam masalah ini ada pernah kita dapati seseorang pesara itu hanya mendapat $30 sahaja sebulan, ada yang kurang dari itu, pada hal tanggungjawab mereka dalam hal nafkah hidupnya adalah sama dengan rakyat biasa. Dengan adanya Rang Undang-undang ini Kerajaan telah menentukan mereka berhak menerima sekurang-kurangnya $180 pada satu bulan. Ini satu kesyukuran dan terima kasih yang patut diucapkan kepada Kerajaan oleh ahli-ahli pesara dalam tanahair kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, bila mana diselaraskan ini saya khuatir juga dalam Jabatan Pentadbiran Persaraan ini akan mempunyai kekurangan kakitangannya. Oleh itu saya harap Kerajaan akan membuat satu kajian yang menyeluruh sebab pentadbiran ini akan dibebankan dengan satu tanggungjawab yang meluas dan kita tidak suka bahawa seorang kakitangan Kerajaan itu diberikan tugas yang bertimbun-timbun dengan sungutan pesara-pesara bertalu-talu datang kepada mereka. Oleh itu saya harap bagi pihak Kerajaan supaya mengisikan kekosongan tenaga pekerja dalam Bahagian Pentadbiran Pesara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau keadaan ini kurang memuaskan pentadbiran yang ada ini adalah lebih baik Kerajaan menghantar pegawai-pegawainya melihat pentadbiran atau sistem pesara negeri-negeri yang maju dan kita hantar pegawai-pegawai kita berlatih ke tempat itu dengan tujuan mereka boleh bertanggungjawab dalam bahagian ini untuk menyelesaikan masalah-masalah pesara yang akan dipertanggungkan oleh Kerajaan tidak kurang daripada 700,000 kakitangan dalam negeri ini akhirnya mereka akan bersara juga.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga, saya kurang arif dalam masalah ini, saya minta penjelasan kepada Yang Berhormat Mulia berhubung dengan fasal 2 Akta ini:

"(2) Akta ini hendaklah dipakai di seluruh Malaysia bagi—

(i) pegawai-pegawai yang telah bersara dari perkhidmatan awam dan pihak berkuasa berkanun dan tempatan dan menerima pencen atau lain-lain faedah di bawah mana-mana undang-bertulis;"

Saya yang kurang mengerti adakah tertakluk atau di mana tempatnya pegawai-pegawai angkatan polis dan askar, adakah terlibat, pada hal mereka ada mempunyai suruhanjaya yang terasing pada mereka. Ini juga saya mengharapkan satu jawapan daripada Yang Berhormat Mulia.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, dalam muka 4, Fasal 2, Tafsiran: Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

"gaji bersamaan yang akhir diterima" ertinya gaji yang akhir diterima sebagaimana ditakrifkan di bawah seksyen-kecil (2) seksyen 5;....."

Apa yang saya ragukan, Tuan Yang di-Pertua, adakah ini juga termasuk persaraan yang akan diterima oleh Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara. Sebab dalam Akta ini juga tidak menunjukkan, saya ini kurang arif, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara tidak dapat peruntukan yang diselaraskan dalam Rang Undang-undang ini. Jadi dengan keadaan ini akan menjadikan satu jaminan kepada kami bahawa dalam Rang Undang-undang ini akan meliputi dan merangkumi ahli persaraan daripada Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Dalam tafsiran ini juga, dinyatakan:
"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam;
"Pegawai" ertinya seseorang pegawai perkhidmatan awam atau seseorang pekerja pihak berkuasa berkanun atau tempatan yang, sebelum iaitu bersara atau mati, telah berkhidmat di Malaysia atau dalam mana-mana wilayah yang sekarang ini menjadi sebahagian dari Malaysia.

Jadi dalam ayat ini tidak memperuntukkan butiran adakah tertakluk mereka yang telah berkhidmat di Sabah dan di Sarawak dan kepada pegawai Kerajaan itu ada kalanya mereka berkhidmat kedua-dua negeri itu dengan cara kontrak kepada negeri itu. Apabila pulang ke Malaysia ini, mereka akan meneruskan khidmat dalam jawatannya yang tertentu. Saya minta penjelasan adakah selepas khidmatnya di Sabah atau di Sarawak dikira khidmatnya di Semenanjung ini. Kalau

keadaan ini tidak dapat penjelasan, mungkin juga menjadi satu tandatanya kepada pegawai Kerajaan kita di Semenanjung ini hendak memberikan khidmatnya di kedua-dua negeri yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dalam Fasal 3: Pemberian pencen terbitan dan elaun bersara terbitan bagi pegawai-pegawai yang bersara di bawah skim lama. Ini adalah satu peruntukan yang sangat baik iaitu skim lama akan diproses, sebagaimana Yang Berhormat Mulia katakan tadi, ada perkara yang saya fikir patut dipertimbangkan kepada mereka yang bakal bersara, setahun terdahulu daripadanya kita beri notis kepada mereka supaya dapat ia memberikan dokumen atau keterangan yang ada kaitan dengan persaraan. Dengan keadaan ini akan dapat melicin dan menyegerakan pentadbiran dalam Bahagian Pencen itu.

Yang kedua, kalau seseorang pesara itu akan menunggu hak saraannya ataupun ganjarannya memakan masa setahun atau 6 bulan, tidakkah boleh Kerajaan memberikan wang pendahuluan kepada mereka untuk sara hidup mereka dan wang pendahuluan yang diberikan itu boleh dipotong apabila ganjaran mereka dikeluarkan kelak. Ini adalah memberikan satu timbang rasa kepada mereka sebab apabila mereka bersara, mereka akan menuju cara hidup yang berlainan, kadang-kadang menghadapi kesempitan hidup mereka. Jadi dengan memberi wang pendahuluan itu akan memberikan kelegaan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Fasal ini juga saya besar hati dan berterima kasih kepada Kerajaan iaitu kita akan memberikan kepada seseorang yang bersara:

(a) bersara, atau

(b) mati dalam perkhidmatan,

di bawah skim lama, dengan syarat balu atau anak-anak itu adalah pemastautin di-Malaysia.

Ini satu peruntukan yang sangat baik dan saya kira ini memang sesuai sangat pemberian kita kepada anak dan balu mereka yang bermastautin di Malaysia, sebab kita pernah dengar sungutan daripada orang ramai Kerajaan memberikan pesaraan kepada kakitangan Kerajaan ataupun Ahli Majlis Tempatan yang anak isteri mereka tidak bermastautin di negeri ini. Jadi ini satu peruntukan yang sangat baik dan tegas, ertinya kita memberikan nafkah dan kelegaan hidup kepada balu-balu dan anak-anak yang duduk di Malaysia, yang benar-benar Kerajaan Malaysia bertanggung-jawab kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dalam Fasal 6: Ubahsuaian mengenai pencen terbitan dan elaun bersara terbitan, Ini disebutkan sebagaimana Yang Berhormat Mulia mengatakan kepada seseorang balu atau duda kalau mereka itu telah berkahwin maka peruntukan ini tidak akan dilanjutkan. Ini perkahwinan dengan cara daftar (register) dan dengan juru nikah (kadi), tetapi kalau duda berkahwin secara sulit, dia berkahwin mengikut cara Islam, tidak berdaftar, adakah kuatkuasa ini boleh menggantung hak persaraan duda ini atau sebaliknya seorang janda atau seorang balu berkahwin secara sulit. Kahwin ini ada dua cara, ada kahwin secara terang, satu lagi kahwin secara sulit, mengikut Islam juga. Adakah peruntukan Rang Undang-undang ini berkuatkuasa boleh menggantungkan pemberian saraan kepada mereka itu? Kejadian ini berlaku kepada manusia kadang-kadang mungkin dia kahwin sulit, tiba-tiba sudah ada 6 orang anak baru kita tahu, kahwin yang dihalalkan. Amalan umat Islam di Malaysia pintar dalam masalah kahwin.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap dalam Fasal 12: Penyelarasan pencen apabila bersara bagi kepentingan negara.

Saya hendak membawakan satu pandangan kepada Menteri kewangan dan kepada Kerajaan bahawa seorang kakitangan kerajaan telah berhenti bagi kepentingan negara, selama dia bekerja lebih daripada 10 tahun, dan pemberhentian itu saya lahirkan lagi dengan terus terang dia masuk bertanding dalam pilihanraya, dia bayar sebulan gaji dengan Kerajaan dia berhenti, bertanding untuk berkhidmat kepada negara dan menjadi Ahli Dewan Negeri atau Dewan Rakyat. Adakah perkhidmatannya itu dengan Kerajaan lebih daripada 10 tahun mereka itu diberi hak supaya dapat persaraan, sebab Kerajaan bertimbang rasa sangat dengan pekhidmatan pegawai Kerajaan dan dia sudah berkhidmat 10 tahun lebih kepada Kerajaan? Kalau Kerajaan tidak boleh berikan sara, berilah bonus kepada mereka, kerana Kerajaan Malaysia ini Kerajaan yang banyak wang dan murah hati, malahan pula mereka ini berkhidmat kepada negara melalui parti masing-masing. Jadi ini juga banyak

terlibat kalau boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan, maka ini satu anugerah yang bernama "lailatulkadar" kepada mereka. Saya tidak tahulah sama ada peruntukan ini boleh memberikan kuatkuasa atau pandangan saya ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya ingin memberikan gambaran berhubung dengan pesara yang telah menerima dua pencen. Satu pencennya, umpama, saya katakan dia berkhidmat dengan tentera dia dapat saraan, lepas itu dia masuk berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam sehingga bersara. Selama mereka ini hidup dia menerima dua persaraan, dua pencen, tetapi dengan diselaraskan ini adakah mereka juga berhak mendapat dua pencen itu atau hanya satu pencen jua. Jadi keadaan ini juga ada berlaku di masyarakat kita dan termasuklah juga Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara, ada kalanya Ahli Dewan Rakyat dia menjadi wakil Rakyat dia telah pencen dengan khidmatnya pada Kerajaan, kemudian dia sambung menjadi Ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara, dia dapat dua saraan, dua pencen dia dapat. Adakah ini juga dapat diteruskan dengan dua pencen ataupun dengan satu pencen bila diselaraskan dan imbuhan yang diberi kepada mereka itu yang menjadi tandatanya, janganlah sampai kekurangan. Inilah sahaja, Tuan yang di-Pertua, pandangan-pandangan saya dan sekali lagi saya memberikan sokongan.

5.53 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen 1980 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sebentar tadi.

Saya juga mengucapkan terima kasih kerana Kerajaan mengambil berat kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang telah berkhidmat dengan cemerlang pada Kerajaan di dalam tempoh beberapa lama untuk negara. Di dalam sesebuah negara walau bagaimanapun elok Wakil Rakyatnya, walau bagaimana banyak Menteri yang pintar, tetapi jikalau tidak ada kakitangannya tentu sekali negara itu tidak boleh bergerak. walau bagaimana kita bercakap di Dewan ini berapi-api, barangkali di Dewan sahaja dan yang mengerjakannya adalah pegawai-pegawai Kerajaan yang bertungkus-lumus untuk membangunkan negara ini.

Selepas 23 tahun kita mencapai kemerdekaan, kita boleh menengok walau apapun kita kata, kita memang berkehendakkan pembangunan yang lebih pesat dan maju. Ini keinginan kita sebagai rakyat jelata, Wakil Rakyat ataupun kita sebagai Ahli Senate. Kita suka negeri kita maju, negeri kita membangun dan iktisad kita dapat merasai bersama di dalam negeri yang merdeka dan berdaulat, kerja-kerja ini adalah kita serahkan kepada pegawai Kerajaan. Walaupun di kementerian kewangan, Yang Berhormat Mulia Tengku sendiri tidak boleh menjalankan jawatan Kerajaan dengan betul-betul untuk mengelokkan negara. Begitu juga Kementerian-kementerian lain tentu kita mempunyai pegawai-pegawai yang betul-betul jujur khidmatnya kepada negeri ini bagi membangun, maka dengan sebab itu saya yakin dan percaya untuk itulah maka kita telah pinda Undang-undang penyelarasan Pencen ini. Dengan sebab itu, saya menyeru kepada pegawai-pegawai Kerajaan bekerja lebih kuat lagi supaya negeri ini lebih maju lagi supaya bangsa kita lebih lagi menikmati apa yang telah kita dapati sekarang lebih banyak lagi. Inilah sebabnya barangkali Kerajaan telah mengemukakan Undang-undang ini yang bukan sahaja memikirkan untuk orang yang telah bersara nanti dapat pencen, tetapi anaknya, isterinya apabila dia mati semua diberi sehingga anaknya lulus sekolah tinggi dan di universiti dengan ijazah B.A. ditanggung oleh Kerajaan. Kalau hendak ijazah M.A. mereka tanggung sendiri.

Saya sudah pergi ke sana ke mari, tetapi Kerajaan kitalah yang sehabis-habis bagus sekali, sebab saya tinggal di negeri ini, saya tahulah Kerajaan kita lebih bagus ingat kepada pekerja. Dengan sebab itu, pegawai-pegawai Kerajaan juga mesti ingat kepada Kerajaan, kepada rakyat terutama sekali jikalau rakyatnya pincang tentu negeri ini jahanam, negeri ini susah, negeri ini menderita, pegawai-pegawai Kerajaan pun tidak boleh diharap. Ada setengah-setengahnya memikirkan kalau apa Kerajaan masuk pun saya pegawai Kerajaan juga, jangan ingat begitu. Saya sudah tua dan berumur ini saya sudah mengalami iaitu dahulu masa Jepun masuk, kita kata Jepun masuk-masuklah, saya sebagai pegawai Kerajaan, tetapi apa yang terjadi Jepun memerintah tempeling yang dapat. Walaupun pegawai-pegawai Kerajaan dapat beras banyak dengan harga 3 sen atau 5 sen segantang tetapi beras yang

diberi ialah beras ubi kayu, sehingga bengkak-bengkak muka, kaki, tangan dan sebagainya. Jadi ingat sedikit iaitu Kerajaan pada masa ini adalah menolong rakyat, jangan difikirkan pedulilah, saya bekerja ini dapat gaji, kalau Kerajaan lainpun besok dapat gaji juga. Saya mengingatkan kepada pegawai Kerajaan sebab saya dahulu pegawai Kerajaan juga, jadi saya ingatkan supaya betul-betul berkhidmat, kalau negeri maju, maju lagi duit tuan-tuan, maju lagi gaji tuan-tuan, barangkali lebih lumayan lagi gaji akan diberi. Ini mungkin janji Kerajaan.

Sebagaimana kita tengok baru-baru ini gaji telah dinaikan, elaun Wakil Rakyat ini naik, tetapi tidak naik lagi, naikpun hanya sekali sahaja iaitu 100%. Mungkin ada pegawai Kerajaan mengatakan elaun Raja Nong Chik naik 100%, tetapi kenaikan 100% ini sudah habis tidak naik lagi, pencennya pun itulah, tetapi pegawai-pegawai Kerajaan tidak —ia terus menerus akan naik tiap-tiap tahun. Jadi kalau kita dapat banyak hasil minyak, banyak gas kita, lebih banyak getah, lebih banyak oilpalm kita barangkali negeri kita menjadi lebih kaya daripada Amerika, jadi kita boleh beri gaji tiap-tiap pegawai lebih banyak lagi.

Di sini saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Mulia mengenai Perkara 12— Penyelarasan pencen apabila bersara bagi kepentingan negara. Yang lain itu saya faham dan tidak payah diulang-ulangkan, kerana Yang Berhormat Mulia telah mengatakan semuanya bagus dan tidak ada cacatnya. Kepentingan negara ini ada dua macam. Satu orang yang tidak berguna langsung yang duduk makan suap (corrupt), itu untuk kepentingan negara tidak boleh, pencenkan lekas ataupun tidak usah langsung diberi pencen, diberi setengah pencen atau suku pencen. Di sini saya mengingatkan kalau ada orang buat begitu ia jangan diberi pencen banyak, kalau orang corrupt, dia mengambil duit rakyat, yang menyakitkan rakyat, yang menjahanamkan rakyat barangkali kita tidak dapat berbuat apa-apa oleh kerana Biro Siasatan Negara tidak dapat mencari keterangan-keterangan yang betul-betul supaya dia boleh ditangkap. Jadi orang macam ini kita tanya dia, awak hendak keluar atau tidak; kalau tidak keluar, kita tangkap; kalau tidak diberikan dia suku pencen. Orang yang dikatakan untuk kepentingan negara ini bagaimana?

Lagi satu saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Mulia berkenaan dengan kepentingan negara juga iaitu orang-orang yang telah berkhidmat 15 tahun ke atas, yang berkhidmat untuk negara. Ramai pegawai-pegawai kita yang otaknya bergeliga yang barangkali kalau menjadi Wakil Rakyat pada hari akan datang lebih baik lagi daripada kita ini, yang mahu pergi ke hadapan, mereka ini lebih pintar baik pun di dalam Dewan Rakyat ataupun di Dewan Negara, lebih baik untuk negara, tetapi setelah berkhidmat 10 tahun — 15 tahun sayang hendak berhenti. Jadi boleh atau tidak dipertimbangkan dimasukkan mereka itu dapat pencen.

Pada tahun 1959 dahulu sesiapa juga hendak menjadi Wakil Rakyat, masuk pilihanraya diberi pencen, tetapi tahun 1964 setelah berkhidmat selama 15 tahun pencen pun tidak dapat; kalau tahun 1959 dapat pencen. Jadi ini 15 tahun bekerja melepas begitu sahaja. Itu sebabnya beberapa kerat sahaja pegawai-pegawai tinggi kita yang berkelulusan universiti masuk disini sekarang terutama sekali bumiputra beberapa orang sahaja, kerana sudah lama sangat berkhidmat dengan Kerajaan, bukan kerana lari hendak jadi Menteri — tidak, bukan kerana masuk menjadi Ahli Parlimen ini hendak jadi Menteri sahaja sebab beberapa orang sahaja yang hendak dilantik jadi Menteri, Kalau macam kita asyik membangkang sahaja dalam Dewan ini takkan boleh jadi Menteri, tetapi menghamburkan buah fikiran dengan berani, dengan terbuka, ini yang kita kehendaki daripada pegawai-pegawai yang barangkali boleh menyuarakan buah fikiran, tidak dapat ditahan-tahan oleh orang, dicorrupt oleh orang, tidak dapat disuara supaya Kerajaan tahu inilah suara rakyat, inilah perkara yang sebenarnya. Ini yang kita cari sekarang di dalam Dewan Negara atau Dewan Rakyat. Boleh atau tidak difikirkan oleh Kerajaan untuk kepentingan negara ini untuk yang akan datang ini supaya pegawai-pegawai Kerajaan ini didorong mereka masuk bertanding ataupun menjadi Ahli Parlimen; Dewan Negara tidak menjadi apa hal, dipertimbangkan oleh Kerajaan supaya memberi fikiran-fikiran yang bernas kepada kita semua.

Selain daripada itu tidaklah ada apa-apa yang saya hendak ucapkan, oleh kerana Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan

tadi telah menghamburkan segala-galanya itu semuanya bagus belaka barangkali tidak ada yang cacat, tidak ada apa yang hendak ditegur, balik-balik perkara itu juga, jadi tidak ada modal lagi. Saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini.

6.04 ptg.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang ini bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen, 1980.

Saya sekali lagi berterima kasih dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kita yang sangat bertimbang rasa kepada pegawai-pegawai dan kakitangannya. Sesunguhnya dengan adanya undang-undang yang dibentangkan di Dewan Negara pada masa ini, sesunguhnya adalah memberi pengertian yang tinggi dan mendatangkan faedah yang begitu besar kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan dan menjadi satu perangsang kepada pegawai-pegawai Kerajaan untuk bekerja dengan bersungguh-sungguh.

Walaupun undang-undang ini dikatakan Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen, 1980 tetapi di dalam undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, ada membawa perubahan-perubahan sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan sebentar tadi.

Apa yang saya hendak cakap di sini oleh kerana dua orang daripada Ahli Yang Berhormat di Dewan ini telahpun bercakap, maka saya cuma hendak menyentuh sedikit sahaja di dalam perkara undang-undang ini berkenaan dengan pencen. Perkara yang saya hendak sentuh iaitu di dalam masa Undang-undang Pencen dibawa ke dalam Dewan ini pada persidangan yang lepas, saya telah memberi teguran iaitu pegawai-pegawai yang berpencen apakala berpencen, dibayar pencen dan apakala mati maka pencennya itu berpindah kepada orang-orang tanggungannya. Orang-orang tanggungannya itu telah ditafsirkan di dalam undang-undang yang dibawa ke dalam Dewan ini pada masa itu iaitu balunya atau jandanya, anak-anaknya, anak-anak yang tak sah taraf, anak angkat. Itulah orang yang akan menerima sambungan pencen daripada pegawai yang mati itu. Jadi saya telah membangkang dan membuat teguran kerana perkara yang seumpama ini, saya kata tidak menurut hukum dan adat kita orang-orang yang berugama Islam dan sebagaimana yang diakui di dalam Perlembagaan, Islam adalah ugama resmi negara ini maka sepatutnyalah perkara-perkara yang seumpama ini dirujukkan kepada Perlembagaan.

Jadi orang-orang yang patut menerima pencen itu tidak patutlah dimasukkan anak-anak yang tak sah taraf kerana anak-anak tak sah taraf ini tidak diakui di dalam Islam dan tidak wajib kepada si mati itu membayar apa-apa nafkah; begitu juga kepada anak angkat. Maka Alhamdulillah, di dalam undang-undang ini setakat yang saya dapat baca, saya nampak orang-orang yang akan dibayar selepas dan pada kematian pegawai itu iaitu balunya dan anak-anaknya, ditambah satu lagi duda iaitu janda lelaki—di tambah pula! Saya tidak menghalang hendak ditambah duda ini kerana duda ini menurut hukum Syarak pun dia boleh menerima juga pusaka, tetapi walau macam mana pun yang saya berasa dukacita yang amat sangat perkara yang besar yang dilupakan dalam Rang Undang-undang ini ialah berkenaan dengan ibubapa.

Kita tahu seseorang manusia bukan sahaja orang Islam, hatta orang yang bukan berugama Islam, sekalipun, ibubapanya yang telah tua tidak patut dilupakan, lebih-lebih lagi ibubapanya itu yang tidak ada pekerjaan. kalau sekiranya seorang pegawai Kerajaan yang berpencen telah menerima pencen, maka akan berpindahlah pencennya apabila dia mati, diberi kepada balunya kalau sekiranya dia itu lelaki; diberi kepada dudanya kalau dia itu perempuan, dan diberi kepada anak-anak nya. Itu patut tetapi apahal ibunya yang tua, apahal bapanya yang tua yang tidak ada pekerajaan, tidakkah boleh dimasukkan sama. Kepada saya, kalau seorang perempuan kakitangan Kerajaan yang mati selepas berasa, daripada diberi kepada dudanya lebih baik dan lebih afdal diberi kepada ibubapanya.

Kemudian dipersyaratkan pula selagi duda atau balunya itu tidak berkahwin maka timbullah bagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad, perkara ini akan membawa kepada helah, akan membawa kepada tipu daya dan sebagainya kerana hendak mempertahankan pencennya itu seumur hidup, bukan sebagai anak, anak akan terima hanya setakat umur 21 tahun tetapi duda atau balunya selama-lamanya selagi

ia tidak berkahwin. Dengan adanya syarat yang seumpama ini maka akan berlakulah perkahwinan sulit perkahwinan rahsia, perkahwinan diluar negeri dan sebagainya. Maka yang akan menjadi hampa yang akan menjadi kempunan ialah ibu bapanya yang miskin yang akan mendengar dan akan melihat dengan kempunan pencen anak-anaknya yang telah mati itu diterima oleh orang lain sedangkan dirinya sendiri tidak dapat, maka akan menangis dan meratapkan dia. Umurnya yang tidak berapa lama lagi akan mengikuti anaknya itu tetapi duda dan balunya ini akan segar-megar akan menikmati di dalam dunia ini seberapa lama yang boleh. (*Ketawa*).

Dengan sebab itu saya merayu kalau boleh mudah-mudahan dalam kita meraya-rayakan pencen yang begini besar, dalam kita menyambut durian runtuh yang begini bagus janganlah kita melupakan orang-orang tua iaitu ibu bapa yang tua-tua yang tidak ada daya upaya supaya dapat juga mereka itu menikmati pencen anak-anakaya itu. Sekian, terima kasih.

6.12 ptg.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun mengambil bahagian membahaskan peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini. Nampaknya pandangan-pandangan yang telah dikemukakan itu adalah berfaedah dan baik dan mana-mana perkara yang telahpun disentuh itu akan kita ambil ingatan. Tinggal lagi ada beberapa perkara yang telahpun dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad untuk mendapat penjelasan daripada pihak Kerajaan tentang beberapa perkara yang telah dikemukakan.

Satunya mengenai anggota polis dan anggota Angkatan tentera sama ada mereka ini tertakluk di bawah Rang Undang-undang yang dikemukakan ini. Oleh kerana Rang Undang-undang ini hanya menyebut bahawa ia adalah tertakluk kepada pegawai-pegawai yang berkhidmat di bawah Perkhidmatan Awam, Kuasa-kuasa Tempatan dan Badan-badan Berkanun, sukalah saya nyatakan di sini bahawa Rang Undang-undang ini juga akan dipakai untuk pihak aggota polis tetapi mengenai anggota angkatan tentera ianya tertakluk di bawah Rang Undang-undang yang berkenaan dan perkara ini akan ditentukan oleh Majlis Angkatan Tentera nanti.

Mengenai pentadbiran pencen, sukalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa sejak kita melaksanakan gaji di bawah Lapuran Jawatankuasa Kabinet, Bahagian Pencen di Jabatan Perkhidmatan Awam telahpun memperkemaskan untuk mempercepatkan layanan bayaran terhadap pesara-pesara dan dalam tempoh dua tahun yang lepas beberapa langkah telah diambil untuk membaiki sistem pentadbiran pencen dengan tujuan untuk mengatasi masalah kelewatan pembayaran pencen dan bagi mereka yang telah bersara tetapi kertas pencennya tidak dapat atau tidak sempat diurus dengan sempurna kerana maklumat-maklumt yang lengkap tidak dapat diperolehi untuk ditimbang oleh jabatan-jabatan yang berkenaan dan Bahagian Pencen di Jabatan Perkhidmatan Awam maka pendahuluan sentiasa diberi untuk menyara pesara-pesara sebelum kertas pencen itu dapat diterima dan diluluskan oleh jabatan berkenaan.

Kita juga akan mengadakan satu Pasukan Petugas untuk menyelaraskan pencen yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang ini dan kita bercadang mengadakan lebih kurang 185 orang kakitangan akan diambil untuk mengendali masalah penyelarasan ini dan saya percaya dengan adanya kakitangan yang cukup maka penyelarasan pencen ini akan dapat dijalankan dengan baik. Tetapi sunggupun demikian kita fikir tidaklah perlu dikirim ke luar negeri kakitangan yang berkhidmat untuk mentadbir soal pencen di Jabatan Perkhidmatan Awam kerana mereka memang mendapat latihan yang cukup dalam negeri ini. Walau bagaimanapun, kita akan mengambil perhatian tentang cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat itu.

Berkenaan dengan soal duda yang kahwin sulit ini, berdudalah dia kalau dia dapat kahwin sulit dan tidak akan diketahui oleh pihak Kerajaan. Saya suka memaklumkan di sini bahawa Kerajaan mungkin tidak dapat berbuat apa-apa bagi mereka yang berkahwin sulit, itu pandai dialah dan nasib baik dialah dan kita akan ambil perhatian tentang hal ini.

Mengenai soal kepentingan negara sukalah saya bezakan dengan orang yang bersara atas kepentingan awam. Orang yang bersara atas kepentingan awam adalah orang-orang yang disarakan oleh Kerajaan dengan cara

paksaan atas sebab-sebab disiplin dan sebagainya. Tetapi mereka yang bersara atas kepentingan negara adalah orang-orang atau pegawai-pegawai yang telahpun diberi izin oleh Kerajaan kerana dikehendaki untuk menyertai satu-satu bidang yang diakui dan disokong oleh Kerajaan itu sendiri. Tetapi bagi mereka yang hendak melibatkan diri dalam politik misalnya kerana hendak mengambil bahagian dalam pilihanraya atau pilihanraya umum, maka mengikut dasar sekarang Kerajaan tidak akan mengizinkan lagi mereka itu bersara dan mendapat pencen sebagaimana berlaku dalam tahun 1969. Maka itu memanglah malang nasibnya bagi Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik kerana kita tidak akan menjalankan dasar ini lagi disebabkan kita fikir seseorang yang hendak menyertai bidang politik itu ia mestilah sanggup berkorban dan mesti sanggup memberi khidmatnya dengan ujian-ujian yang terpaksa dihadapinya sendiri, barulah dapat dia menentukan sikap dan pendirian nya di atas sesuatu perkara yang hendak diperjuangkannya.

Selain daripada itu, saya rasa tidak ada perkara yang dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam masa membahaskan Rang Undang-undang ini kecuali satu dua perkara yang lain yang saya fikir tidak begitu mustahak iaitu sama ada Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat juga tertakluk di bawah Undang-undang ini, mengenai pencen. Sebagaimana saya maklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat apabila menggulungi perbahasan di atas Rang Undang-undang Ahil-ahli Parlimen (Saaran) 1980 saya telahpun menjelaskan bahawa pencen untuk Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara adalah tertakluk kepada undang-undang itu dan tidak kepada undang-undang yang dibahaskan ini.

Mengenai soal pencen terbitan mengapa dibayar kepada isteri dan duda serta anak-anak ataupun orang tanggungan pesara yang mati dan tidak terlebih dahulu dirojak kepada mahkamah. Mengikut pendapat kami perkara ini bukan merupakan pusaka, ini adalah merupakan pemberian Kerajaan mengenangkan jasa-jasa yang telahpun ditunjukkan oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang telahpun berkhidmat dengan Kerajaan maka ini adalah hak Kerajaan untuk menentukan kepada mereka yang ditinggal oleh pegawai-pegawai Kerajaan yang bersara yang telahpun meninggal dunia. Maka atas dasar itulah pembayaran pencen terbitan ini diberi kepada isteri ataupun duda dan anak-anak pegawai-pegawai Kerajaan yang bersara dan yang telah meninggal dunia. Kita tidak berhajat hendak memanjangkan hak kemudahan ini kepada ibubapa mungkin oleh kerana susah hendak menentukan siapakah ibu dan siapakah bapa dan rekod-rekod yang mungkin tidak tersimpan untuk menentukan pembayaran mereka ini. Sejak pembayaran pencen terbitan ini dijalankan di masa-masa yang sudah kita memang sudah mempunyai pengalaman yang luas dan juga mempunyai rekod-rekod mengenai duda dan isteri -isteri orang-orang tanggungan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit sebanyak penjelasan yang dapat saya berikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam menggulung perbahasan ini maka sekali lagi saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyumbangkan pandangan yang baik terhadap Rang Undang-undang ini Dengan itu, saya mohon mencadangkan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

Usul dikemukan bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 17 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama dan Jadual Kedua di perintakan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.25 ptg.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mencadangkan supaya Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) 1980 dibaca pada kali yang kedua.

Pindaan-pindaan ke atas beberapa peruntukkan dalam Akta tersebut adalah sejajar dengan perubahan-perubahan dasar mengenai pencen seperti yang terkandung di dalam Rang Undang-undang Penyelarasan Pencen 1980 seperti yang telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pengumuman Kerajaan mengenai penyelarasan pencen kepada pesara-pesara baru-baru ini, beberapa peruntukan dalam Akta Pencen 1980 telah menjadi lapuk dan perlu dipinda. Menurut peruntukan yang ada sekarang pembayaran pencen terbitan kepada balu dan anak yang cacat otak atau anggota serta tidak upaya mencari nafkahnya sendiri adalah dihadkan kepada tempoh tidak lebih daripada $12\frac{1}{2}$ tahun. Dengan keputusan untuk melanjutkan pembayaran pencen terbitan kepada balu dan anak tersebut untuk seumur hidup seksyen-seksyen 14, 15, 16 dan 25 Akta tersebut perlu dipinda.

(*a*) Pencen yang terendah sebanyak $180 sebulan bagi seseorang kakitangan Kerajaan yang telah bersara setelah berkhidmat tidak kurang daripada 25 tahun;

(*b*) Pencen bagi duda dengan syarat duda itu tidak akan berkahwin semula, ini bermakna jika pegawai yang meninggal dunia itu seorang pegawai perempuan maka pencen terbitannya hendaklah dibayar bukan sahaja kepada anak-anaknya tetapi juga kepada dudanya tidak kira sama ada duda berkenaan hilang upaya ataupun tidak. Peruntukan mengenai pembayaran pencen tersebut itu adalah dibuat dalam Peraturan-peraturan Pencen kerana Akta Pencen 1980 hanyalah memperuntukkan dasar yang membolehkan secara umum sahaja.

(*c*) Pembayaran pencen terbitan kepada anak-anak untuk mendapat pencen terbitan sebanyak 70% daripada pencen asal yang diperolehi oleh mereka setelah tamat tempoh $12\frac{1}{2}$ tahun dengan syarat anak-anak itu masih berumur di bawah 21 tahun dan belum berkahwin. Walau bagaimanapun bagi seseorang yang sedang melanjutkan pelajaran tetapi tidak lebih daripada peringkat ijazah pertama, beliau boleh terus menerima pencen terbitan sehingga tamat pengajian walaupun melangkaui umur 21 tahun. Seseorang anak-anak yang cacat otak atau anggota dan tidak upaya mencari nafkahnya sendiri pula akan dibayar pencen terbitan seumur hidup.

(*d*) Pembekuan pencen dan ganjaran bagi pegawai-pegawai yang berkhidmat secara pertukaran tetap dengan syarikat-syarikat kepunyaan Kerajaan atau badan-badan antarabangsa dalam mana Kerajaan menjadi ahli sehingga pegawai itu mencapai umur 50 tahun. Oleh kerana ini adalah rancangan Kerajaan, maka adalah wajar kiranya pegawai berkenaan diberi jaminan untuk faedah pencen untuk bekalan hidup mereka setelah perkhidmatannya dengan syarikat-syarikat berkenaan ditamatkan. Pindaan ke atas Seksyen 9 dan peruntukan baru di bawah Fasal 12 (*a*) adalah bertujuan memberi jaminan tersebut.

(*e*) Faedah pencen bagi kakitangan Kerajaan yang bersara atas sebab-sebab kesihatan, supaya balu dan anak-anak layak mendapat pencen tidak kurang daripada 1/5 daripada gaji akhir; dan

(*f*) Pindaan yang dicadangkan bagi tujuan untuk mengatasi masalah pentadbiran yang berbangkit daripada keputusan-keputusan Kerajaan untuk mengubah had umur anak-anak yang menerima pencen dari 18 ke 21 tahun sungguhpun perubahan sepatutnya berkuat kuasa mulai 1hb Januari, 1976 tetapi pelaksanaannya boleh dimulakan apabila Akta Pencen 1980 digazetkan pada pertengahan tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertuan: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang esok, 25hb Jun, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.